



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN PARLIMEN 2025



DISEDIAKAN OLEH:
Bahagian Dasar dan Perancangan (BDP)
JPNIN, KPN

RINGKASAN KANDUNGAN 2025

A. JUMLAH SOALAN MENGIKUT KATEGORI

BIL.	KATEGORI	JUMLAH SOALAN	MUKA SURAT
1.	HAL EHWAL PERPADUAN	21	1 - 8
2.	HAL EHWAL AGAMA	0	8
3.	INTEGRASI NASIONAL	0	8
4.	AKTA/UNDANG-UNDANG	0	8
5.	KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT)	10	9 - 11
6.	RUKUN NEGARA	2	12
7.	TABIKA PERPADUAN	4	13 - 14
8.	INDEKS PERPADUAN NASIONAL	3	14 - 15
JUMLAH		40	

B. SENARAI SOALAN MENGIKUT KATEGORI

1. HAL EHWAL PERPADUAN

BIL.	SOALAN	MUKA SURAT
1	Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan adakah penganjuran Kem Perpaduan Anak Malaysia yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian dan bagaimana Kementerian merancang untuk melibatkan lebih ramai pemegang taruh dalam pelaksanaannya pada masa akan datang	82

2	YB Dato Henry Agong minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan sama ada Kementerian mempunyai pendekatan khusus untuk mempromosi budaya dan adat resam kaum etnik di negara ini.	90
3	YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan usaha Kementerian dalam menangani sentimen perkauman dan ekstremisme agama di media sosial serta hasil pemantauan sehingga separuh tahun pertama 2025.	93
4	YB TUAN GANABATIRAU AL VERAMAN minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan: (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan ucapan awam mahupun di atas talian yang menghina kaum dan agama setakat ini; dan (b) Adakah Kementerian berniat untuk menggubal akta yang baharu untuk menyekat ucapan menghina sebegini yang kian menular.	98
5	Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah terdapat kajian dan pelaksanaan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan warganegara Malaysia serta langkah kerajaan untuk menangani masalah ketidakmampuan bertutur dalam Bahasa Kebangsaan.	102

6	YB DR. HAJAH HALIMAH ALI minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan apakah mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan kenyataan, tindakan atau dasar yang dikeluarkan oleh Menteri atau agensi Kerajaan tidak mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama di negara ini.	105
7	Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan sama ada komen-komen di media sosial berhubung isu antara PETRONAS dan PETROS telah menjejaskan perpaduan antara penduduk di Semenanjung Malaysia dan Sarawak dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memupuk dan memperkukuh perpaduan antara rakyat di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.	108
M, bm,8	Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan : a) Mekanisme pemantauan dan penilaian awal untuk menilai kesan sistem ini terhadap pengukuhan perpaduan dan pengesanan isu perpecahan sosial; dan b) Status semasa penggunaan sistem e-Sepakat kepada orang awam yang diumumkan pada awal tahun ini.	119
9	Dato' Ngeh Koo minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Kementerian untuk mengurangkan polisi-polisi Kerajaan yang mempunyai unsur-unsur diskriminasi kaum.	124

10	Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar) minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan berapakah jumlah aduan rasmi yang telah diterima oleh Kementerian sejak tahun 2023 sehingga kini berkaitan isu-isu yang menyentuh sensitiviti perkauman atau keagamaan dan apakah langkah penyelesaian yang telah diambil.	128
11	YB SENATOR PUAN TIEW WAY KENG minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan perpaduan dan kesan pelaksanaannya.	141
12	YB SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH LIHAN minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan kemajuan terbaharu terhadap Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak yang dibangunkan di bawah Kementerian dan apakah langkah susulan yang dirangka Kementerian berpandukan model yang dibangunkan tersebut.	145
13	SENATOR DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan apakah usaha yang diambil Kementerian dalam melaksanakan pelan untuk memperkukuhkan tahap perpaduan negara yang kini kian rapuh dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap isu-isu perkauman yang sengaja diwujudkan sesetengah pihak bagi kepentingan tertentu.	158

14	Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewajibkan pemakaian lencana Jalur Gemilang bagi pelajar institusi pengajian tinggi dan penjawat awam demi memperkukuh semangat cinta kepada negara dan memupuk nilai patriotisme.	163
15	Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan agar insiden bendera terbalik tidak berulang lagi kerana perkara sebegini mampu menghakis semangat perpaduan dan mencalarkan nama baik negara yang sepatutnya diangkat dan dijaga oleh seluruh rakyat Malaysia.	169
16	Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [TENGGAH] minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menangani polemik pengibaran bendera negara secara terbalik yang sering menimbulkan kontroversi, termasuk langkah-langkah pendidikan, kempen kesedaran serta inisiatif pembinaan jati diri dan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat, khususnya generasi muda supaya maruah serta simbol kedaulatan negara terus dihormati.	172

17	YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan apakah strategi Kementerian membina naratif kebangsaan inklusif yang menjamin rekonsiliasi sosial, kerukunan masyarakat dan ketahanan demokrasi sebagai asas keharmonian negara agar tidak digugat oleh sentimen perkauman dan agama.	177
18	Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan sama ada Kementerian melihat media sosial sebagai kayu ukur realiti, kerana meskipun jutaan rakyat hadir ke sambutan Hari Kebangsaan, naratif perpecahan dan retorik kebencian di media sosial tetap meningkat. Jadi apakah strategi Kementerian untuk mengurus perbezaan ini.	187
19	Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan apakah Kementerian pernah menilai sama ada sambutan Hari Kebangsaan hanya sekadar event-based unity di mana rakyat bersatu sehari sahaja ketika perarakan tetapi kembali kepada prejudis, stereotaip dan isu perkauman pada hari-hari biasa.	197
20	Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan langkah Kementerian untuk memperkasa program perpaduan berasaskan nilai bersama (shared values) agar masyarakat Malaysia dapat menghayati unsur-unsur sebagaimana yang digariskan dalam gagasan Malaysia MADANI bagi mengatasi gejala polarisasi kaum dan agama dalam masyarakat.	191

21	Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan apakah langkah bagi mengukuhkan perpaduan ummah di tengah kancah perbezaan pandangan politik dan mazhab/aliran dalam negara yang semakin meruncing sejak kebelakangan ini.	213
----	--	-----

2. HAL EHWAL AGAMA

BIL.	SOALAN	MUKA SURAT

3. INTEGRASI NASIONAL

BIL.	SOALAN	MUKA SURAT
1		

4. AKTA/UNDANG-UNDANG

BIL.	SOALAN	MUKA SURAT

5. KAWASAN RUKUN TETANGGA

BIL.	SOALAN	MUKA SURAT
1	Tuan Kesavan A/L Subramaniam minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan keberhasilan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) 2021-2030.	23
2	Datuk Suhaimi bin Nasir minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan nilai Geran Rukun Tetangga dari RM6,000 kepada RM10,000 oleh kerana nilai geran setiap tahun yang diterima oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) tidak mencukupi bagi melaksanakan program-program Rukun Tetangga.	28
3	Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan: a) apakah impak daripada pelaksanaan Inisiatif Rukun Tetangga Progresif dari segi ekonomi dan sara hidup, keselamatan komuniti dan kepimpinan dan pembangunan kapasiti; dan b) berapa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang telah siap profilnya, dikenalpasti potensi, kluster dan pemetaan sosialnya ke arah pemerkasaan KRT dan apakah tindakan serta keberhasilannya.	49

4	Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan kesediaan Kementerian untuk menaik taraf Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang terdapat di kawasan pendalaman Sarawak dan apakah perancangan Kementerian bagi meningkatkan jumlah KRT berdaftar bagi tahun 2025.	76
5	Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat penambahan terhadap peruntukan kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di setiap Kawasan yang dikira agak sedikit bagi perbelanjaan operasi tahunan.	85
6	Senator Tuan Abun Sui Anyit minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan :- a) berapakah jumlah Rukun Tetangga yang ada mengikut daerah di Sarawak dan apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan penduduk; dan b) berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap Rukun Tetangga pada setiap tahun.	151

7	YB Datuk Wetrom bin Bahanda minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang wujud di daerah Kota Marudu dan apakah perancangan dari pihak Kementerian bagi memastikan program-program KRT ini berjaya dilaksanakan dan mencapai pihak disasarkan.	132
8	YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan kesan keberkesanan pelaksanaan program Rukun Tetangga serta Perpaduan Madani berbilang kaum seperti di Selangor dan Pulau Pinang.	136
9	Senator Tuan Abun Sui Anyit minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan : Berapakah jumlah Rukun Tetangga yang ada mengikut daerah di Sarawak dan apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan penduduk dan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap Rukun Tetangga pada setiap tahun.	137
10	YB. Senator Dr. Jufitri bin Joha minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan peruntukan bagi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) serta mempertimbangkan untuk memberikan elaun kepada Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT).	201

6. RUKUN NEGARA

BIL.	SOALAN	MUKA SURAT
1	YB Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan adakah terdapat perancangan untuk mewajibkan lagu Negaraku dinyanyikan dan Rukun Negara dilafazkan dalam setiap program rasmi bukan sahaja oleh agensi Kerajaan, tetapi juga pihak swasta, sebagaimana sesetengah negara mengamalkannya dalam konteks negara mereka bagi menyemai kecintaan dan hormat kepada negara.	205
2	TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan apakah langkah-langkah strategik yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memperkasa Rukun Negara sebagai falsafah kebangsaan, khususnya di kalangan generasi muda bukan hanya dalam bentuk hafalan di institusi pendidikan, tetapi diterjemahkan dalam kehidupan seharian masyarakat majmuk Malaysia.	192

7. TABIKA PERPADUAN

BIL.	SOALAN	MUKA SURAT
1	Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan sejauh manakah sumbangan Tabika Perpaduan dalam memupuk semangat muhibah dan perpaduan antara kaum di Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 1976 serta apakah perancangan Kementerian untuk memastikan taburan murid di tabika berkenaan mencerminkan komposisi kaum di dalam negara.	16
2	Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan sejauh manakah pemantauan semasa Kementerian terhadap penambahbaikan fasiliti TABIKA dan TASKA Perpaduan di Hulu Rajang dan adakah Kementerian mempertimbangkan penambahan bilangan TABIKA dan TASKA Perpaduan di kawasan Hulu Rajang.	73
3	Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan berapakah jumlah Tabika Perpaduan sedia ada dan yang akan dibina pada tahun 2025 di Negeri Terengganu.	80
4	YB Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan persediaan pengurusan Tabika Perpaduan bagi memastikan semua guru prasekolah mendapat latihan	167

	kurikulum baharu prasekolah tahun 2026 dan keupayaan mereka menggunakan kurikulum baru ini tidak menjadi kekangan dan masalah kepada pelajar apabila memasuki darjah satu pada tahun 2027.	
--	---	--

8. INDEKS PERPADUAN NEGARA

BIL.	SOALAN	MUKA SURAT
1	Tuan William Leong Jee Keen minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia di dalam Indeks Kesaksamaan oleh Othering & Belonging Institute yang kini berada pada kedudukan 129, terutamanya dalam mengambil kira hasrat Kementerian untuk mempamerkan model perpaduan Malaysia pada Sidang Kemuncak ASEAN 2025.	34
2	YB SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH LIHAN minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan sejauh manakah Kementerian menentukan keberkesanan kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dalam mengukur tahap keharmonian sosial negara, dan apakah langkah seterusnya yang dirangka Kementerian bagi memperkukuh tahap perpaduan sebenar dalam kalangan rakyat.	209

3	YB SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS DR. AWANG BIN SARIYAN minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan sama ada usaha telah dilakukan untuk menggubal Indeks Pencapaian Perpaduan Negara sebagai kayu ukur pencapaian program-program perpaduan, dan jika ya, apakah aspek-aspek dalam indeks tersebut yang menunjukkan pencapaian positif serta aspek-aspek yang masih memerlukan perhatian lebih.	216
---	--	-----

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT BAGI
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KE-15
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO MOHD ISAM BIN MOHD ISA

TARIKH : 18 FEB 2025

SOALAN 9

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah sumbangan Tabika Perpaduan dalam memupuk semangat muhibah dan perpaduan antara kaum di Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 1976 serta apakah perancangan Kementerian untuk memastikan taburan murid di tabika berkenaan mencerminkan komposisi kaum di dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah menubuhkan Tabika Perpaduan sejak tahun 1976. Sehingga kini terdapat 1,781 kelas Tabika Perpaduan di seluruh Malaysia dengan jumlah muridnya seramai 34,856 murid. (Data sehingga Disember 2024)
2. Sejak penubuhannya, Tabika Perpaduan telah memberikan sumbangan dalam pendidikan awal kanak-kanak melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Untuk memastikan penglibatan maksimum kanak-kanak dalam kegiatan kokurikulum, Tabika Perpaduan memberi penumpuan kepada penghayatan Rukun Negara dan Nilai-Nilai Murni dalam kalangan kanak-kanak seawal 4 hingga 6 tahun supaya semangat kebersamaan dan setiakawan dapat dipupuk merentas perbezaan kaum, etnisiti, sosioekonomi, lokasi dan jantina. Pelbagai ruang dan peluang perlu diwujudkan untuk kanak-kanak saling mengenali dan bercampur gaul bagi menyemarakkan semangat perpaduan.

3. Usaha penyatupaduan terus dipertingkatkan di Tabika Perpaduan melalui:

i. **Program Pengajaran Modul Pendidikan Rukun Negara**

Murid diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. Bagi tujuan tersebut, **Buku Pendidikan Rukun Negara** telah diperkenalkan.

ii. **Program Pengajaran Elemen Perpaduan dan Nilai-Nilai Murni**

Program yang berasaskan **elemen perpaduan dan nilai murni menerusi setiap buku aktiviti** yang diterjemahkan menerusi gambar-gambar seperti masyarakat berbilang kaum, pakaian tradisional dan alatan permainan tradisional.

iii. **Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa**

Pengajaran asas **Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Kadazan dan Bahasa Iban** juga diperkenalkan di Tabika Perpaduan bagi memberi pendedahan kepada murid tentang asas komunikasi Bahasa kaum-kaum utama di Malaysia.

4. Kementerian juga sentiasa berusaha memastikan taburan murid yang mencerminkan komposisi kaum di Tabika Perpaduan melalui:
- a) Penetapan kriteria pembukaan Tabika Perpaduan mestilah di kawasan yang mempunyai kanak-kanak pelbagai kaum. (Merujuk Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan);
 - b) Melaksanakan kolaborasi dengan Badan Bukan Kerajaan, Syarikat Swasta, Badan Korporat dan pemimpin tempatan dalam mempromosikan Tabika Perpaduan kepada Masyarakat;
 - c) Melaksanakan kempen dan hebahan untuk mempromosikan keunikan Tabika Perpaduan sebagai tempat pembelajaran yang inklusif untuk semua kaum; dan
 - d) Menawarkan kemudahan/ insentif kepada kanak-kanak yang mengikuti sesi persekolahan di Tabika Perpaduan seperti penyediaan *starter kit* (baju seragam dan bag sekolah), buku aktiviti murid yang mempunyai elemen perpaduan, Bantuan Makanan Tambahan, Insurans Kemalangan Diri Berkelompok Murid Tabika Perpaduan dan Geran Perkapita Murid Tabika Perpaduan.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Enrolmen Murid Tabika Perpaduan Tahun 2023

LAPORAN SPESIFIKASI OUTPUT TABIKA PERPADUAN SUKU TAHUN KEEMPAT TAHUN 2023																
BIL	NEGERI	BIL. KELAS	KOMPOSISI KETURUNAN KANAK-KANAK						JUMLAH	BILANGAN MENGIKUT JANTINA						JUMLAH
			M	C	I	KDZ	IBN	LL		L			P			
										4	5	6	4	5	6	
1	PERLIS	37	660	7	8	-	-	39	714	94	148	123	100	142	107	714
2	KEDAH	107	2,263	13	63	-	5	138	2,482	124	555	549	153	590	511	2,482
3	PULAU PINANG	116	2,117	79	223	3	6	32	2,460	177	584	480	217	549	453	2,460
4	PERAK	164	2,358	93	544	3	7	72	3,077	202	664	671	220	707	613	3,077
5	SELANGOR	181	3,027	52	356	9	8	221	3,673	78	771	972	91	827	934	3,673
6	WP. KUALA LUMPUR	132	2,312	18	123	6	5	136	2,600	32	624	634	41	639	630	2,600
7	NEGERI SEMBILAN	120	1,819	90	332	5	15	47	2,308	112	523	517	110	558	488	2,308
8	MELAKA	64	1,225	10	90	6	3	8	1,342	96	332	270	126	271	247	1,342
9	JOHOR	206	3,949	93	223	17	35	72	4,389	277	1,035	947	276	980	874	4,389
10	PAHANG	126	2,379	45	88	1	7	39	2,559	160	636	492	151	597	523	2,559
11	TERENGGANU	72	1,596	5	-	-	-	6	1,607	144	327	282	186	362	306	1,607
12	KELANTAN	107	2,539	6	4	-	1	36	2,586	185	603	485	223	637	453	2,586
13	SARAWAK	172	1,132	78	6	22	1,092	588	2,918	180	611	702	179	610	636	2,918
14	SABAH	142	222	12	6	573	22	2,056	2,891	131	595	799	144	520	702	2,891
15	WP. LABUAN	25	99	2	2	36	6	222	367	2	80	91	1	96	97	367
16	WP. PUTRAJAYA	10	216	-	1	-	1	5	223	-	61	41	-	65	56	223
JUMLAH		1781	27,913	603	2,069	681	1,213	3,717	36,196	1,994	8,149	8,055	2,218	8,150	7,630	36,196
PERATUS (%)			77	2	6	2	3	10	100	6	23	22	6	23	21	100

Enrolmen Murid Tabika Perpaduan Tahun 2024

LAPORAN SPESIFIKASI OUTPUT TABIKA PERPADUAN SUKU TAHUN KETIGA TAHUN 2024																	
BIL	NEGERI	BIL. KELAS	KOMPOSISI KETURUNAN KANAK-KANAK						JUMLAH	BILANGAN MENGIKUT JANTINA						JUMLAH	
			M	C	I	KDZ	IBN	LL		L			P				
										4	5	6	4	5	6		
1	PERLIS	37	626	6	5	-	-	26	663	100	142	105	86	136	94	663	
2	KEDAH	107	2,182	9	79	-	1	123	2,394	104	586	515	126	576	487	2,394	
3	PULAU PINANG	116	2,010	63	223	2	3	38	2,339	167	514	438	224	567	429	2,339	
4	PERAK	164	2,313	82	478	1	6	70	2,950	174	697	582	228	680	589	2,950	
5	SELANGOR	181	2,934	30	325	12	12	248	3,561	94	780	913	129	748	897	3,561	
6	WP. KUALA LUMPUR	132	2,214	20	129	6	11	126	2,506	49	565	603	60	633	596	2,506	
7	NEGERI SEMBILAN	120	1,768	75	328	8	14	40	2,233	86	570	492	98	528	459	2,233	
8	MELAKA	64	1,186	3	93	-	5	7	1,294	102	326	260	98	296	212	1,294	
9	JOHOR	206	3,746	84	218	19	24	75	4,166	266	915	889	279	960	857	4,166	
10	PAHANG	126	2,304	28	95	-	6	31	2,464	151	583	507	150	561	512	2,464	
11	TERENGGANU	72	1,549	3	-	-	-	3	1,555	172	374	256	182	319	252	1,555	
12	KELANTAN	107	2,395	3	2	-	1	29	2,430	182	613	436	184	571	444	2,430	
13	SARAWAK	172	1,125	67	21	13	1,036	584	2,846	181	575	663	155	636	636	2,846	
14	SABAH	142	247	14	2	577	35	2,004	2,879	173	525	852	148	491	690	2,879	
15	WP. LABUAN	25	110	1	-	44	6	207	368	7	87	100	4	76	94	368	
16	WP. PUTRAJAYA	10	202	-	1	-	1	4	208	-	61	45	-	64	38	208	
JUMLAH			1781	26,911	488	1,999	682	1,161	3,615	34,856	2,008	7,913	7,656	2,151	7,842	7,286	34,856
PERATUS (%)				77	1	6	2	3	10	100	6	23	22	6	22	21	100

Enrolmen Murid Tabika Perpaduan Tahun 2025

JUMLAH PENDAFTARAN MURID TABIKA PERPADUAN TAHUN 2025									
BIL	NEGERI	BIL. KELAS	BILANGAN MENGIKUT JANTINA						JUMLAH
			L			P			
			4	5	6	4	5	6	
1	PERLIS	37	103	168	126	94	153	101	745
2	KEDAH	107	102	583	502	109	564	526	2,386
3	PULAU PINANG	116	156	502	420	157	575	423	2,233
4	PERAK	164	180	653	641	213	702	619	3,008
5	SELANGOR	181	90	818	903	83	859	859	3,612
6	WP. KUALA LUMPUR	132	41	580	580	51	602	603	2,457
7	NEGERI SEMBILAN	120	94	531	483	83	564	447	2,202
8	MELAKA	64	95	284	255	119	280	232	1,265
9	JOHOR	206	264	966	784	267	1,015	790	4,086
10	PAHANG	126	147	601	489	177	555	442	2,411
11	TERENGGANU	72	118	352	260	139	339	252	1,460
12	KELANTAN	107	163	623	426	173	599	416	2,400
13	SABAH								
	KOTA KINABALU	106	37	370	665	36	398	563	2,069
	SANDAKAN	13	6	49	40	5	59	43	202
	TAWAU	23	3	83	102	4	104	141	437
14	SARAWAK								
	KUCHING	51	56	181	188	47	169	184	825
	SERI AMAN	15	28	47	37	30	46	48	236
	SARIKEI	11	13	48	42	8	34	55	200
	SIBU	26	33	96	93	30	79	99	430
	MIRI	52	15	182	231	24	200	253	905
	LIMBANG	17	29	46	45	32	40	43	235
15	WP. LABUAN	25	4	114	89	4	91	80	382
16	WP. PUTRAJAYA	10	1	63	51	-	69	52	236
JUMLAH		1781	1,778	7,940	7,452	1,885	8,096	7,271	34,422
PERATUS (%)			5	23	22	5	24	21	100

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA 2025
3 FEBRUARI 2025 SEHINGGA 6 MAC 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Tuan Kesavan A/L Subramaniam
[Sungai Siput]**

TARIKH : 24/2/2025 (Isnin)

SOALAN NO. 14:

Tuan Kesavan A/L Subramaniam minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan keberhasilan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) 2021-2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini sentiasa komited untuk memperkasakan KRT di seluruh negara secara berterusan. Justeru, Kementerian telah pun melancarkan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 yang menyediakan panduan dan halatuju KRT yang jelas, berstruktur dan komprehensif untuk memacu keberkesanan agenda perpaduan dalam komuniti.

2. Dalam konteks ini, Pelan Pemerkasaan tersebut telah menfokuskan lima (5) teras strategik seperti berikut:

- (i) Memperkukuhkan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai pemangkin perpaduan;
- (ii) Memperkasakan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional;
- (iii) Meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi aktiviti kesukarelawanan;
- (iv) Memantapkan peranan Rukun Tetangga dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti; dan
- (v) Memperkasakan kelompok komuniti seperti Jiran Wanita, Jiran Muda, Jiran Warga Emas dan Tunas Jiran.

3. Keberhasilan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) 2021-2030 dapat dinilai melalui beberapa aspek yang menunjukkan penglibatan dalam pelaksanaan dan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Indikator keberhasilan tersebut termasuk:

(i) Penglibatan Komuniti:

Pada tahun 2024, sebanyak 642,990 peserta terlibat aktif dalam pelbagai program dan aktiviti kesukarelawanan di peringkat KRT di seluruh negara. Ini menunjukkan kesedaran dan sokongan yang lebih besar dari komuniti terhadap peranan KRT dalam membina keharmonian dalam kawasan komuniti.

(ii) Pengukuhan Keupayaan Kepimpinan Jawatankuasa:

Pelan pemeraksanaan ini juga berjaya meningkatkan keupayaan kepimpinan di peringkat KRT melalui latihan, kursus dan pendedahan teknik kepimpinan lebih efektif kepada 10,035 pemimpin KRT yang mampu menguruskan dan memimpin aktiviti serta projek yang melibatkan masyarakat.

(iii) Pengukuhan Hubungan Sosial dan Keselamatan:

Salah satu matlamat utama pelan ini adalah untuk memupuk semangat kejiranan dan kerjasama dalam kalangan penduduk. Sebanyak 28,452 aktiviti rondaan telah dilaksanakan pada tahun 2024 melibatkan hampir 100 ribu peronda SRS di seluruh negara.

(iv) Penyertaan dalam Program/Aktiviti Kesejahteraan Komuniti:

Keberkesanan KRT dalam melaksanakan program/aktiviti untuk meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti seperti bantuan kepada golongan memerlukan, penganjuran aktiviti kemasyarakatan, serta penyediaan sokongan untuk kesejahteraan penduduk. Pada tahun 2024, sebanyak 31,875 kotak RAHMAH telah diagihkan kepada golongan yang memerlukan melalui Program RT Cares, Dapur Komuniti KRT dan Skuad Uniti.

(v) Peningkatan Kemahiran Sosial dan Keusahawanan:

Melalui pelan ini, komuniti bukan sahaja diberi pengetahuan tentang kepimpinan, tetapi juga peluang untuk

mengembangkan kemahiran sosial dan keusahawanan yang berguna untuk pembangunan ekonomi setempat. Kementerian telah melaksanakan Inisiatif Pemerdayaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif bagi memperkasa ekonomi Rukun Tetangga untuk meningkatkan pendapatan komuniti dan membantu mengurangkan kos sara hidup. Pada tahun 2024, sebanyak 152 KRT telah dijadikan sebagai model RT Progresif yang memberi fokus utama kepada Bidang Tumpuan Ekonomi dan Sara Hidup.

4. Secara keseluruhannya, Pelan Pemerdayaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 telah berjaya mencapai beberapa pencapaian yang positif dalam meningkatkan keberkesanan fungsi RT sebagai penggerak, pengantara dan penghubung jalin (*bridge builder*) dalam program-program perpaduan di peringkat komuniti.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Ke arah menterjemahkan dan melancarkan pelaksanaan Pelan Pemerkasaan ini, Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga (RT4ALL) yang mengandungi empat (4) Gerak Kerja KRT iaitu:
 - (i) KRT Sejahtera (fokus kepada kesejahteraan hidup);
 - (ii) KRT Selamat (tanggungjawab menjaga keselamatan bersama komuniti);
 - (iii) KRT Bersih dan Indah (fokus amalan penjagaan dan keindahan kawasan); dan
 - (iv) KRT Sihat (fokus amalan gaya hidup sihat).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA 2025
3 FEBRUARI 2025 SEHINGGA 6 MAC 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Datuk Suhaimi bin Nasir
[Libaran]**

TARIKH : 24/2/2025 (Isnin)

SOALAN NO. 54:

Datuk Suhaimi bin Nasir minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan nilai Geran Rukun Tetangga dari RM6,000 kepada RM10,000 oleh kerana nilai geran setiap tahun yang diterima oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) tidak mencukupi bagi melaksanakan program-program Rukun Tetangga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada masa kini, kadar geran Rukun Tetangga adalah sebanyak RM6,000.00 setahun. Jumlah peruntukan ini sememangnya tidak mencukupi untuk membiayai kos pentadbiran dan pelaksanaan program/aktiviti Rukun Tetangga.

6. Walaupun dana diterima Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah terhad, perkara ini tidak sama sekali menjejaskan usaha kerajaan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Pendekatan baharu diambil Kementerian adalah menggalakkan KRT untuk memanfaatkan inisiatif di bawah program RT Progresif.
7. RT Progresif menyediakan peluang kepada KRT untuk melaksanakan agenda perpaduan secara lebih kreatif dan berkesan melalui pelbagai kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, pihak swasta serta komuniti setempat. Dengan pengurusan sumber yang bijak, pendekatan kolaboratif dan penglibatan aktif komuniti, KRT boleh terus memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat.
8. Pada tahun 2024, sebanyak 152 KRT telah diperkasakan sebagai RT Progresif yang berupaya membangun komuniti mampan dan progresif melalui lapan (8) bidang peranan iaitu:
 - (i) Ekonomi dan Sara Hidup
 - (ii) Keselamatan dan Ketahanan Komuniti
 - (iii) Kepimpinan
 - (iv) Kesejahteraan Komuniti
 - (v) Pembelajaran Sepanjang Hayat
 - (vi) Alam Sekitar
 - (vii) Warisan dan Budaya
 - (viii) Daya Cipta

9. Pada tahun 2025 disasarkan sekurang-kurangnya 300 KRT lagi akan dipilih untuk diperkasakan sebagai RT Progresif dengan penilaian yang terperinci merangkumi penyediaan profil, pemetaan sosial, permohonan projek ekonomi dan kebun komuniti yang mampu memberi manfaat kepada komuniti setempat. Selain itu, KRT juga akan berperanan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (*bridge builder*) melalui peningkatan dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik semua pihak bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.
10. Dengan sokongan kewangan ini, RT Progresif akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, menyediakan lebih banyak peluang untuk aktiviti kemasyarakatan dan memperkukuhkan lagi peranan Rukun Tetangga sebagai entiti penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat. Kerjasama antara kerajaan, masyarakat, dan agensi-agensi yang terlibat akan terus dipertingkatkan untuk memastikan kejayaan inisiatif ini, selaras dengan visi kerajaan untuk membangunkan negara yang harmoni dan bersatu.
11. Kementerian Perpaduan Negara bertekad untuk terus berusaha memacu program-program yang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, agar kita terus maju sebagai sebuah negara yang bersatu padu, aman dan makmur.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Impak 8 Bidang Tumpuan RT Progresif

1. Strategi dan program bagi membangun komuniti progresif ini disusun berdasarkan kepada lapan (8) bidang tumpuan iaitu Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta memberi impak seperti berikut:

(i) Ekonomi dan Sara Hidup

Bidang Ekonomi dan Sara Hidup telah memberi manfaat kepada 149 RT bagi melaksanakan projek ekonomi dan kebun komuniti dengan jumlah pelaksanaan sebanyak 211 projek.

Pengukuhan agenda ekonomi dan kesejahteraan hidup komuniti dengan pelaksanaan aktiviti yang berteraskan ekonomi. Dengan bantuan dalam bentuk kewangan, teknikal, peralatan, latihan dan bimbingan yang diberikan oleh Kementerian serta pelbagai pihak yang lain, pendapatan isi rumah peserta akan meningkat dan membantu mengurangkan masalah kos sara hidup yang tinggi.

(ii) Keselamatan dan Ketahanan Komuniti

Peningkatan tahap rasa selamat dalam kalangan komuniti dengan adanya aktiviti kawalan dan rondaan keselamatan kejiranan yang dilaksanakan oleh anggota SRS.

Kementerian telah menyediakan 95 buah kabin SRS, 150 set peralatan rondaan dan kawalan SRS dan membaiki 21 pusat kawalan SRS bagi meningkatkan keaktifan dan keberkesanan peranan SRS serta memupuk rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan komuniti untuk menjaga keselamatan kawasan kediaman masing-masing.

(iii) Kepimpinan

Pemeriksaan kepimpinan jawatankuasa RT yang lebih efisien dan dinamik dapat meningkatkan kecemerlangan RT dalam menyampaikan perkhidmatannya kepada komuniti.

Sebanyak 13 kursus/latihan merangkumi 57 siri dengan penglibatan peserta seramai 2,572 telah dilaksanakan bagi melahirkan kepimpinan yang cekap dan tata kelola yang terbaik juga dapat menjadikan RT sebagai organisasi yang berdaya maju dan berdaya saing.

(iv) Kesejahteraan Komuniti

Peningkatan kesejahteraan, kualiti hidup dan kemampunan komuniti.

(v) Pembelajaran Sepanjang Hayat

Peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh kelompok komuniti tertentu melalui bidang tumpuan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dapat membantu

komuniti menjana pendapatan, meningkatkan kualiti dan meneruskan kelangsungan hidup.

(vi) Alam Sekitar

Peningkatan kebersihan, keceriaan, keindahan dan keselesaan kawasan kejiranan serta memperkukuhkan tanggungjawab bersama dalam penjagaan kawasan kejiranan masing-masing.

(vii) Warisan dan Budaya

Menyemarak dan memperkukuhkan semangat jati diri, kenegaraan dan patriotisme dalam kalangan komuniti.

(viii) Daya Cipta

Meningkatkan pembudayaan daya kreativiti dan inovasi dalam komuniti.

2. Bagi tahun 2024, sebanyak 152 RT telah berjaya diperkasakan sebagai RT Progresif. Bagi tahun 2025 pula, sekurang-kurangnya 300 KRT akan dipilih untuk diperkasakan sebagai RT Progresif dengan penilaian yang terperinci merangkumi penyediaan profil, pemetaan sosial, permohonan projek ekonomi dan kebun komuniti yang mampu memberi manfaat kepada komuniti setempat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-15**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 06 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan William Leong Jee Keen minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia di dalam **Indeks Kesaksamaan** oleh Othering & Belonging Institute yang kini berada pada kedudukan 129, terutamanya dalam mengambil kira hasrat Kementerian untuk mempamerkan model perpaduan Malaysia pada Sidang Kemuncak ASEAN 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas perhatian yang diberikan kepada Kementerian untuk mempamerkan model perpaduan Malaysia pada Sidang Kemuncak ASEAN 2025. Merujuk perkara ini, Malaysia selaku tuan rumah bagi Sidang Kemuncak ASEAN 2025 boleh mengetengahkan **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** yang merupakan indeks pengukuran tahap perpaduan yang digunapakai

bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia.

2. Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah mendapat pengiktirafan daripada ***Global Peace Index (GPI)*** sebagai antara negara paling aman di dunia khususnya dalam aspek keselamatan, ketenteraman dan konflik berdasarkan penelitian terhadap 163 buah negara. Pada tahun 2024, Malaysia berada di kedudukan ke-10 dalam ***Global Peace Index (GPI)***, sekaligus menjadikan Malaysia antara 10 negara paling aman di dunia. Pencapaian ini merupakan peningkatan yang signifikan dari kedudukan ke-19 pada tahun 2023. Skor Malaysia dalam indeks tersebut ialah 1.427, yang menggambarkan tahap keamanan yang tinggi berbanding kebanyakan negara lain. Malaysia juga menduduki tempat ketiga negara paling aman di Asia Pasifik selepas New Zealand dan Singapura.
3. Selain itu, di dalam negara terdapat beberapa agensi kerajaan yang telah membina indeks bersifat situasi (*situational index*) berkaitan ketegangan masyarakat, kesejahteraan rakyat, kesejahteraan keluarga, belia dan patriotisme di Malaysia. Antara indeks tersebut ialah **Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM)** oleh **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** bagi menilai tahap kesejahteraan umum rakyat dari segi ekonomi, sosial, dan kesejahteraan hidup dan **Indeks Malaysia Negara Rahmah (IMNR)** oleh **Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM)** bagi menilai tahap keadilan sosial, kesejahteraan dan rahmah.

4. Kedudukan Malaysia dalam ***Inclusiveness Index*** berada di kedudukan 129 dari 152 negara yang diukur secara keseluruhan dengan skor 46.27/100. Ianya dinilai berdasarkan 6 dimensi iaitu *race, gender, LGBTQ+, religion, disability dan general population*. Indeks ini mengukur keterangkuman berdasarkan prinsip keadilan sejagat tanpa terikat kepada norma atau budaya tertentu yang relevan untuk negara-negara yang mempraktikkan sistem sekular. Pengukuran tersebut adalah kurang relevan dengan amalan agama dan budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini. Atas dasar itu, penilaian Malaysia dalam ***Inclusiveness Index*** yang menggunakan pendekatan yang berbeza dengan amalan masyarakat Malaysia dari konteks budaya, norma sosial dan nilai sepunya (*common values*) yang menjadi tunjang keharmonian negara tidak perlu diperbesarkan atau diberi perhatian kerana dimensi indeks ini kurang sesuai untuk masyarakat negara ini.
5. Oleh yang demikian, berdasarkan konteks dan keperluan masyarakat, IPNas dan beberapa indeks agensi kerajaan yang lain adalah sangat relevan untuk negara seperti Malaysia yang berbilang kaum, budaya dan agama di mana perpaduan dan keharmonian menjadi keutamaan Kementerian. Pengiktirafan Malaysia sebagai 10 negara paling aman di dunia melalui Global Peace Index 2024 sudah memadai bagi mencerminkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat berbilang kaum di negara ini di peringkat antarabangsa.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)

IPNas telah mengukur keterangkuman dalam **Konstruk Kesepaduan Sosial** bersama-sama indikator lain yang diteliti seperti berikut:

- i. **Keterangkuman (*Inclusion*)**: untuk mengukur hak diliputi dalam mendapat pengagihan kekayaan seperti bantuan, pemilikan rumah, pekerjaan dan pendidikan.
- ii. **Penyertaan (*Participation*)**: untuk mengukur penglibatan dalam persatuan/badan kebajikan, NGO, mengundi calon/parti dalam pilihanraya dan berbincang perihal politik.
- iii. **Pengiktirafan (*Recognition*)**: untuk mengukur konsep menerima perbezaan pendapat, memberi penghargaan kepada rakyat berjasa dan mengiktiraf kepelbagaian agama.
- iv. **Legitimasi (*Legitimacy*)**: untuk mengukur ketidakadilan dalam layanan, usaha memburukkan pemerintah, perbezaan undang-undang berkaitan agama dan janji politik.
- v. **Kesamaan (*Equality*)**: untuk mengukur konsep mendapat peluang dan ruang yang sama dari segi keselamatan, ekonomi, pendidikan dan pekerjaan.

IPNas turut mengukur cabaran yang sering berlegar dalam masyarakat yang mana cabaran ini dijangka akan memberi kurangan kepada Kesepaduan Sosial di Malaysia dan dikenali sebagai **Defisit Sosial**. Terdapat 10 kategori isu dan cabaran yang telah dibangkitkan seperti **etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, politik federalisme, ruang bandar desa dan media**.

Berdasarkan kepada hasil kajian IPNas 2022, KPN telah menyusun perancangan program yang lebih bersepadu dan inklusif melalui penghasilan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian. Melalui kerangka ini, Kembara Perpaduan telah dijadikan program *flagship* KPN dalam mencapai aspirasi perpaduan nasional. Pelaksanaan program di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI menggunakan *Whole Government Approach* iaitu kerjasama strategik antara agensi Kerajaan merentasi sempadan portfolio dalam menerajui agenda perpaduan negara selari dengan pembangunan Malaysia MADANI.

Program-program KPN yang digariskan merangkumi tiga (3) kluster utama program iaitu **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah**. Program-program ini disusun berdasarkan kepada tiga teras utama Dasar Perpaduan Negara (DPN) seperti berikut :

- (i) **Program Semarak Kenegaraan** dilaksanakan bagi **memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat** melalui usaha memartabatkan Rukun Negara. Ia dirangka bagi **memupuk semangat jati diri dan cintakan tanah air**.
- (ii) **Program Semarak Perpaduan** bertujuan untuk **meraikan perbezaan dalam kepelbagaian** melalui elemen seperti kebudayaan, pendidikan serta rekreasi.

- (iii) **Program Komuniti Rahmah** pula memberi pendekatan untuk **memangkin kesejahteraan serta keharmonian komuniti** meliputi aspek ekonomi, pendidikan, agama, kesihatan, kenegaraan, kebudayaan dan alam sekitar.

Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional turut memperhebat program penggalakan perpaduan pelbagai kaum dan mempromosi keharmonian antara etnik. Antara *signature* program Kementerian Perpaduan Negara iaitu Program Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) merupakan inisiatif di bawah kluster Semarak Perpaduan bertujuan menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia. Pelaksanaan inisiatif ini bagi mencapai tiga (3) prinsip asas dalam hubungan antara etnik iaitu **Faham, Hormat dan Terima**.

Bertemakan 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian', penganjuran SMP Tahun 2024 telah diisi dengan pelbagai program di bawah flagship Kembara Perpaduan yang merangkumi tiga kluster program iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah ke arah membangun Malaysia MADANI. Ia juga sebagai memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan atau *moments of unity*.

Pada tahun 2024, pelbagai program telah dilaksanakan bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang harmoni melalui inisiatif - inisiatif berikut:

i. **Pemeriksaan Rukun Tetangga (RT) Progresif**

Memperkasa RT sebagai jentera utama perpaduan negara turut melalui transformasi daripada hanya bertumpukan aspek keselamatan "*neighbourhood watch*" kepada lapan bidang tumpuan baru (ekonomi sara hidup; keselamatan dan ketahanan komuniti; kepimpinan; kesejahteraan komuniti; pembelajaran sepanjang hayat; alam sekitar; warisan dan budaya serta daya cipta)

ii. **Meremajakan Skim Rondaan Sukarela (SRS)**

Meremajakan SRS ini merupakan inisiatif untuk menarik golongan muda menyertai SRS. Antara inisiatif baharu adalah penggunaan aplikasi MySRS, penggantian peralatan baharu SRS yang berteknologi dan mendapatkan geran pentadbiran.

iii. **Mengangkasa Mediator Komuniti**

Sehingga kini, terdapat seramai 564 Mediator Komuniti bertauliah di bawah Kementerian Perpaduan Negara yang terdiri dari seramai 163 Pegawai Perpaduan, 379 AJK KRT dan 22 NGO. Inisiatif Mengangkasa Mediator Komuniti antaranya:

- a) memperluaskan perkhidmatan mediasi melalui penubuhan Pusat Mediasi di negeri Perlis, Melaka & Putrajaya.
- b) memperbanyakkan kursus/Latihan untuk memantapkan Kemahiran Mediator Komuniti.

iv. Penghayatan Rukun Negara

Melipatgandakan usaha untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat supaya ia menjadi amalan hidup seharian. Antara inisiatif ialah :

- a) Eksplorasi Rukun Negara
- b) Program Raja Kita
- c) Raja Kita, Payung Kita
- d) Pameran Arkib Diraja: Simbol Perpaduan Negara
- e) Konvensyen Sekretariat Rukun Negara
- f) Pemberian Geran RM 3000 kepada semua SRN di IPT
- g) Simposium Pendidikan Rukun Negara Pra Sekolah
- h) Kem Anak Malaysia

v. Meningkatkan keharmonian antara penganut agama

Bagi menjayakan agenda keharmonian antara penganut agama melalui Inisiatif Harmoni MADANI yang akang dilaksanakan pada tahun ini. Antara aktiviti:

- a) Bicara Harmoni
- b) Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kepelbagaian Agama
- c) Jejak Harmoni
- d) Dokumentasi Harmoni
- e) Sambutan Hari Toleransi Sedunia
- f) Sambutan Minggu Harmoni Sedunia
- g) Interfaith- Dialog

vi. Membangunkan Malaysia sebagai Hub Sukarelawan

Antara usaha dalam menjadikan Malaysia sebagai hub kesukarelawan global yang mampu melahirkan pemimpin sukarelawan (*Volunteer Leaders*). Yayasan Sukarelawan Siswa akan melaksanakan:

- 7 misi sukarelawan (Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah, Laos, Thailand dan Vietnam)
- Membangunkan Dasar Sukarelawan Nasional
- Pembangunan Modul Duta Perpaduan Nasional untuk memperkasakan generasi muda sebagai Duta Perpaduan dalam membantu KPN menyebarkan mesej-mesej perpaduan kepada seluruh rakyat.

vii. Meningkatkan keharmonian antara penganut agama

Bagi menjayakan agenda keharmonian antara penganut agama melalui Inisiatif Harmoni MADANI yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Antara aktiviti:

- Bicara Harmoni
- Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kepelbagaian Agama
- Jejak Harmoni
- Dokumentasi Harmoni
- Sambutan Hari Toleransi Sedunia
- Sambutan Minggu Harmoni Sedunia
- Interfaith- Dialog

Perincian Program Di Bawah Kluster Semarak Perpaduan

i) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Peringkat Negeri Tahun 2024

Program ini telah dilaksanakan pada minggu pertama bulan Februari dengan mengambil kira sebagai Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia seperti yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2010 oleh Raja Abdullah II dari Jordan. Program ini telah dilaksanakan di negeri iaitu Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang serta Wilayah Persekutuan Labuan (Peringkat Kebangsaan).

Objektif pelaksanaan program Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia adalah untuk mengukuhkan usaha semua kumpulan antara agama melakukan kerja positif dengan satu tema di bawah keharmonian beragama; mengukuhkan perpaduan, integrasi nasional dan memantapkan identiti Nasional melalui persefahaman antara agama berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; dan membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah antara penganut agama sedunia.

Kaedah pelaksanaan program turun padang pemimpin menyantuni penganut agama dalam beberapa kawasan yang melibatkan kawasan luar rumah ibadat (masjid, tokong, gereja, kuil, gudwara dan Wat Siam yang berdekatan dalam sesuatu kawasan. Pemberian Tiffin Perpaduan (Mangkuk Tingkat) sebagai simbolik Keharmonian dan muhibah antara agama semasa kunjungan ke rumah-rumah ibadat.

a. Inisiatif Harmoni MADANI

Program ini dilaksanakan sebagai langkah intervensi dalam pegurusan isu agama dengan menyediakan ruang, peluang serta suasana yang merancang kepada pemimpin dan masyarakat untuk saling berinteraksi melalui program dan aktiviti yang dianjurkan oleh kementerian, menyampaikan mesej kasih sayang, perpaduan dan kerjasama dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan yang telah dikecapi dan mengukuhkan pemahaman dan sifat saling menghormati pelbagai budaya dan agama yang mencirikan kepelbagaian etnik.

Program ini dilaksanakan secara berfasa di tiga (3) buah negeri iaitu Pulau Pinang pada 9 Mac 2024 , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertarikh 29 Jun 2024 dan Sabah pada 17 Ogos 2024.

b. Dokumentari Jejak Harmoni

Dokumentari Jejak Harmoni ini adalah satu idea terbaharu kementerian yang menonjolkan kisah realiti kehidupan rakyat Malaysia yang hidup dalam kepelbagaian kaum dan agama. Rakaman dokumentari yang memaparkan keharmonian antara masyarakat yang berlainan agama di lokasi tumpuan iaitu di beberapa rumah ibadat yang terletak berhampiran antara satu sama lain di beberapa negeri.

Lokasi penggambaran dilakukan di enam (6) buah negeri iaitu Brickfields, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Bukit Padang, Kota

Kinabalu, Sabah, Miri, Sarawak, Marang, Terengganu, Johor dan Pulau Pinang. Selepas suntingan dan semakan video dokumentari ini akan disiarkan di semua platform media sosial Kementerian Perpaduan Negara dan akan disiarkan di RTM.

c. Podcast Bicara Harmoni

Program Podcast Bicara Harmoni ini adalah satu wawancara berkonsepkan rakaman digital audio dan video yang disiarkan di media sosial. Program Podcast ini dikategorikan di bawah Kluster Semarak Perpaduan iaitu program flagship di bawah Kembara Perpaduan dan salah satu daripada program dalam Inisiatif Harmoni Madani. Podcast Bicara Harmoni ini adalah salah satu program intervensi sosial bagi meningkatkan interaksi antara masyarakat berbilang kaum dan agama, mengukuhkan sikap saling memahami, hormat-menghormati dan menerima kepelbagaian serta perbezaan ini sebagai satu kekuatan Rakyat Malaysia. Podcast ini menampilkan hos dan panelis jemputan berlainan agama serta kaum yang terdiri daripada wakil persatuan belia pelbagai agama, golongan profesional seperti peguam, doktor, ahli akademik, artis dan berpengaruh media sosial. Topik-topik yang dibincangkan mengikut perspektif budaya, adat dan tradisi masing-masing. Antara topik yang dibincangkan seperti **Kasih Sayang Antara Penganut Agama, Nilai Dalam Memupuk Perpaduan Dan Keharmonian, Keunikan Dan Kepelbagaian Makanan, Pakaian Dan Cabaran Gaya Hidup Moden dan Adat Tradisi Sebagai Jati Diri Rakyat Malaysia.**

Perbezaan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 Dengan *Inclusiveness Index*

Aspek	Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022	<i>Inclusiveness Index</i>
Objektif	Mengukur tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berdasarkan nilai Kesepaduan Sosial	Mengukur tahap keterangkuman dan kesaksamaan dalam sesebuah negara atau komuniti.
Element/ Indikator	i. Kesepaduan Sosial** ii. Tahap Keetnikan iii. Hubungan Sosial Rentas Etnik iv. Etos Bangsa (Jati Diri) v. Tadbir Urus dan Pembangunan	Definisi "keterangkuman" dengan memberi tumpuan utama kepada kumpulan rentan merentasi jurang sosial utama, seperti jantina, kaum, etnik, agama, orientasi seksual, dan ketidakupayaan. Indeks ini menumpukan pada kumpulan sosial berbanding individu, dengan menekankan jenis marginalisasi yang berpunca daripada identiti sosial dan keanggotaan kumpulan
Responden	Rakyat Malaysia 18 tahun dan ke atas	Mengukur tahap keterangkuman yang dialami oleh kumpulan terpinggir di seluruh dunia dan di dalam Amerika Syarikat.
Instrumen	Dibangunkan oleh penyelidik dengan mengambil kira penanda aras / kajian lepas yang telah dilaksanakan.	Instrumen untuk menilai keterangkuman dibangunkan berdasarkan berdasarkan terma Institut tersebut dan bukannya berdasarkan penilaian terhadap kesejahteraan kumpulan, kekayaan, atau keadaan ekonomi

* Skala Othering & Belonging Institute

<https://belonging.berkeley.edu/inclusiveness-index/index-results>

Senarai Indeks di Malaysia dan Indeks Rujukan

BIL	NAMA INDEKS	DIMENSI	JABATAN/ AGENSI BERTANGGUNGJAWAB
1	Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)	Mengukur tahap ketegangan antara kumpulan etnik dan sosial dalam masyarakat.	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (J-PERPADUAN)
2	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM)	Menilai tahap kesejahteraan umum rakyat Malaysia dari segi ekonomi, sosial, dan kesejahteraan hidup.	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
3	Indeks Belia Malaysia (IBM)	Menilai kesejahteraan belia dalam aspek pendidikan, pekerjaan, dan pembangunan sosial.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
4	Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK)	Mengukur kesejahteraan dan keharmonian dalam kalangan keluarga di Malaysia.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
5	Indeks Malaysia Negara Rahmah (IMNR)	Menilai tahap keadilan sosial, kesejahteraan, dan rahmah dalam negara.	Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM)
6	Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI)	Mengukur tahap kebahagiaan rakyat Malaysia dari aspek fizikal, sosial, emosi dan spritual.	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

- Selain itu, terdapat satu indeks antarabangsa yang boleh dirujuk untuk menilai kesepaduan masyarakat Malaysia iaitu **Scanlon Monash Indeks (SMI) of Social Cohesion**. Indeks ini dibangunkan untuk menilai tahap Kesepaduan Sosial dalam kalangan masyarakat di Australia sejak tahun 2007 sehingga kini. Kekuatan indeks ini

ialah ia berupaya menunjukkan tahap Kesepaduan Sosial dalam pelbagai aspek yang dapat dinilai berdasarkan situasi tahun semasa kajian. Indeks ini semakin berkembang pesat dalam meneroka corak kehidupan keseluruhan masyarakat di negara tersebut. Indeks ini juga merupakan rujukan asas bagi pembangunan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas).

- Atas dasar itu, Kementerian berpandangan untuk tidak menggunakan **Indeks Kesaksamaan** atau ***Inclusiveness Index*** yang dibangunkan oleh Othering & Belonging Institute untuk dijadikan rujukan dan kayu ukur terhadap perpaduan dan keterangkuman masyarakat pelbagai kaum di negara ini. ***Inclusiveness Index*** ini yang menggunakan pendekatan analisis perbandingan (*comparative analysis*). Nilai indeks yang diperolehi adalah relatif kepada negara-negara lain dalam konteks global dan konteks Amerika Syarikat. Indeks ini lebih bersifat terbuka dan global di mana sifatnya lebih menyeluruh, mengambil kira hak dan perlindungan bagi semua golongan, termasuk LGBTQ+. Indeks ini mengukur keterangkuman berdasarkan prinsip keadilan sejagat tanpa terikat kepada norma atau budaya tertentu dan memberi fokus pada kumpulan rentan dan menilai bagaimana institusi dan masyarakat menyokong golongan marginal seperti minoriti agama, etnik dan komuniti LGBTQ+. Pendekatan ini lebih relevan untuk negara-negara yang mempraktikkan sistem sekular.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KELIMA BELAS
PENGAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA 2025
3 FEBRUARI 2025 SEHINGGA 6 MAC 2025**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh

SOALAN NO. 697:

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan:

- a) apakah impak daripada pelaksanaan Inisiatif Rukun Tetangga Progresif dari segi ekonomi dan sara hidup, keselamatan komuniti dan kepimpinan dan pembangunan kapasiti; dan
- b) Berapa Kawasan rukun Tetangga (KRT) yang telah siap profilnya, dikenalpasti potensi, kluster dan pemetaan sosialnya ke arah pemerkasaan KRT dan apakah tindakan serta keberhasilannya

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

12. Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk memperkukuh dan melonjakkan lagi peranan Rukun Tetangga dalam komuniti di Malaysia.
13. Inisiatif ini dirangka selari dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara, wadah Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021 - 2025) di mana pembangunan masyarakat progresif merupakan satu daripada komponen penting inisiatif Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat MADANI.
14. Selain itu, pemerkasaan ini juga memberi fokus kepada peningkatan pendapatan isi rumah melalui program-program ekonomi, keusahawanan dan latihan kemahiran yang bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan Rukun Tetangga, seterusnya memastikan kesejahteraan ekonomi dalam komuniti.
15. Strategi dan program bagi membangun komuniti progresif ini disusun berdasarkan kepada lapan (8) bidang tumpuan dengan memberi impak seperti berikut:

(ix) Ekonomi dan Sara Hidup

Bidang Ekonomi dan Sara Hidup telah memberi manfaat kepada 149 RT bagi melaksanakan projek ekonomi dan kebun komuniti dengan jumlah pelaksanaan sebanyak 211 projek.

Pengukuhan agenda ekonomi dan kesejahteraan hidup komuniti dengan pelaksanaan aktiviti yang berteraskan ekonomi. Dengan bantuan dalam bentuk kewangan, teknikal, peralatan, latihan dan bimbingan yang diberikan oleh Kementerian serta pelbagai pihak yang lain, pendapatan isi rumah peserta akan meningkat dan membantu mengurangkan masalah kos sara hidup yang tinggi.

(x) Keselamatan dan Ketahanan Komuniti

Peningkatan tahap rasa selamat dalam kalangan komuniti dengan adanya aktiviti kawalan dan rondaan keselamatan kejiranan yang dilaksanakan oleh anggota SRS.

Kementerian telah menyediakan 95 buah kabin SRS, 150 set peralatan rondaan dan kawalan SRS dan membaiki 21 pusat kawalan SRS bagi meningkatkan keaktifan dan keberkesanan peranan SRS serta memupuk rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan komuniti untuk menjaga keselamatan kawasan kediaman masing-masing.

(xi) Kepimpinan

Pemeriksaan kepemimpinan jawatankuasa RT yang lebih efisien dan dinamik dapat meningkatkan kecemerlangan RT dalam menyampaikan perkhidmatannya kepada komuniti.

Sebanyak 13 kursus/latihan merangkumi 57 siri dengan penglibatan peserta seramai 2,572 telah dilaksanakan bagi melahirkan kepimpinan yang cekap dan tata kelola yang terbaik juga dapat menjadikan RT sebagai organisasi yang berdaya maju dan berdaya saing.

(xii) Kesejahteraan Komuniti

Peningkatan kesejahteraan, kualiti hidup dan kemampunan komuniti.

(xiii) Pembelajaran Sepanjang Hayat

Peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh kelompok komuniti tertentu melalui bidang tumpuan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dapat membantu komuniti menjana pendapatan, meningkatkan kualiti dan meneruskan kelangsungan hidup.

(xiv) Alam Sekitar

Peningkatan kebersihan, keceriaan, keindahan dan keselesaan kawasan kejiranan serta memperkukuhkan tanggungjawab bersama dalam penjagaan kawasan kejiranan masing-masing.

(xv) Warisan dan Budaya

Menyemarak dan memperkuat semangat jati diri, kenegaraan dan patriotisme dalam kalangan komuniti.

(xvi) Daya Cipta

Meningkatkan pembudayaan daya kreativiti dan inovasi dalam komuniti.

16. Bagi tahun 2024, sebanyak 152 RT telah berjaya diperkasakan sebagai RT Progresif. Bagi tahun 2025 pula, sekurang-kurangnya 300 KRT akan dipilih untuk diperkasakan sebagai RT Progresif dengan penilaian yang terperinci merangkumi penyediaan profil, pemetaan sosial, permohonan projek ekonomi dan kebun komuniti yang mampu memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

152 RT PROGRESIF

BIL	NEGERI	JUMLAH
1	SABAH	22
2	PERAK	15
3	KELANTAN	14
4	SARAWAK	14
5	JOHOR	13
6	PAHANG	12
7	SELANGOR	12
8	KEDAH	11
9	TERENGGANU	8
10	NEGERI SEMBILAN	7
11	MELAKA	6
12	PULAU PINANG	6
13	WP KUALA LUMPUR	6
14	PERLIS	3
15	WP PUTRAJAYA	2
16	WP LABUAN	1
JUMLAH		152

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
1	Johor	Felda Tenggaroh 2 Zon A	Projek Aqua Agro KRT Tanaman Terung, Bendi, Serai Dan Ikan Talapia	-	Projek Perluasan Tanaman Akuagro (3 Ekar)
2	Johor	KRT Kg Felda Sri Jaya	-	Projek Akuagro (Ternakan Ikan Tilapia Dan Tanaman Cili Padi)	Projek Perluasan Akuagro
3	Johor	KRT Kg Satey/Pantai	Projek Katering Dapur Komuniti	-	
4	Johor	KRT Parit Tarum	Projek Akuagro (Ternakan Ikan Dan Kebun Komuniti) 1. Cili Padi Dan Terung 2. Ikan Pekasam"	-	Projek Ternakan Ikan Puyu/Keli/ Talapia (Kolam)
5	Johor	KRT Taman Intan 2	Projek Memproses Keropok Lekor Dan Fish Ball	Projek Akuagro (Tanaman Pokok Herba Dan Sayur-Sayuran Secara Hidroponik Dan Fertigasi Dan Pelihara Ikan Keli Dan Tilapia)	Projek Akuagro
6	Johor	KRT Tmn Kota Jaya A	Projek Tanaman Fertigasi (Cili, Terung, Bendi)	-	Projek Tanaman Cili Centil
7	Johor	KRT Zon Jalan Bacang	Projek Akuagro Rt (Ternakan Ikan Air Tawar- Tilapia Merah Dan Tanaman Sayur-Sayuran)	Projek Tanaman Sayur-Sayuran (Cili Fertigasi, Terung, Bendi, Kangkung, Pisang, Tebu, Kacang Panjang, Serai, Ubi Kayu, Kacang Botol)	Projek Tanaman Cendawan
8	Johor	Taman Harmoni Kampung Sungai Siput Jementah	-	-	Projek Akuagro (Kontan Serai, Terung, Tebu, Jagung, Bendi)

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
9	Johor	Taman Pontian Jaya	Projek Akuagro (Tanaman Terung, Cili, Nenas)	-	-
10	Johor	Zon B Jalan Pulai Mesra, Bandar Baru Kangkar Pulai	-	Projek Tanaman Hidroponik Dan Akuaponik (Salad, Sawi, Kailan Dan Strawberi)	Projek Tanaman Fertigasi (Sayur-Sayuran)
11	Johor	KRT Rumah Pangsa Peringkat 1 (Blok 1-24)	Projek Kebun Komuniti dan Akuagro	-	-
12	Johor	KRT Taman Sri Bayu	Projek IKS Jiran Wanita Taman Seri Bayu: Menjual Kerepek Pisang, Sukun, Acar Buah Serta Kuih	Projek Akuagro Taman Seri Bayu	-
13	Johor	KRT Tongkang Pechah	Projek Pembuatan Jelly Kelapa	Projek Akuagro dan Kebun Komuniti	-
14	Kedah	KRT Kampung Kuala Dulang Kechil (Skim Rondaan Sukarela Kampung Kuala Dulang)	Projek Sewaan Khemah, Peralatan Program, Pa Sistem Dan Juru Acara	-	-
15	Kedah	KRT Kg Telok/Kg Baru	Projek Tanaman Kelapa Pandan	-	-
16	Kedah	KRT Taman Desa Anggerik	-	-	Projek Tanaman Sayur Bendi, Terung, Sawi, Serai
17	Kedah	KRT Taman Mawar/Melor/Seroja	-	Projek Tanaman Fertigasi Terung, Cili, Bendi	-
18	Kedah	KRT Taman Peruda 1b	-	Projek Tanaman Fertigasi Cili	-
19	Kedah	KRT Taman Sayang	-	Projek Tanaman Harum Manis	-
20	Kedah	KRT Taman Serai Setia	-	Projek Fertigasi, Hidroponik	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
21	Kedah	KRT Taman Seri Marina	Projek Sewaan Khemah Dan Tapak	-	-
22	Kedah	KRT Kampung Charuk Kelian	Projek Makanan Ringan Tradisional Tempatan	-	-
23	Kedah	KRT Kampung Dalam, Mukim Kurong Hitam	Projek Makanan Ringan Tradisional Tempatan	-	-
24	Kedah	KRT Permatang Pasir	Projek Perkhidmatan Sewaan Khemah,Kerusi, Meja	-	-
25	Kelantan	KRT Banggol Perdana	Projek Perkhidmatan Kebersihan Alam Sekitar : Pembelian Coley Dan Lori (Projek Pungutan Sampah)	Projek Pokok Ulam Jenerih (Projek Penyiraman Pokok Sistem Fertigasi)	-
26	Kelantan	KRT Batu Papan	Projek Ternakan Ikan Air Tawar Mykp	-	Projek Tanaman Fertigasi Gantung (Timun)
27	Kelantan	KRT Bechah Paku	Projek Sewaan Khemah Dan Katering	-	-
28	Kelantan	KRT Bendang Kerian	Projek Tanaman Sayur-Sayuran Pelbagai	-	-
29	Kelantan	KRT Bukit Jering	Projek Tanaman Sayuran Jangka Pendek (Terung/Kacang Bendi/Kacang)	-	-
30	Kelantan	KRT Bukit Kechik	Projek Tanaman Nanas (3 Ekar)	-	-
31	Kelantan	KRT Chenulang	Projek Penternakan Ikan Tilapia Menggunakan Air Tandak (Air	-	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
			Graviti) (Perluasan Kolam)		
32	Kelantan	KRT Gunung Reng	-	-	Projek Kabin Homestay KRT Gunung Reng
33	Kelantan	KRT Mukim Dusun Rendah	Projek Sewaan Khemah & Pa System	-	-
34	Kelantan	KRT Pauh Lima	Projek Agro Ikan Patin Berkelompok	-	-
35	Kelantan	KRT Sri Aman	Projek Green Project: Recycling Cooking Oil Menghasilkan Sabun Dan Lilin	-	-
36	Kelantan	KRT Sri Kutan	Projek Perkhidmatan Sewaan Khemah	-	-
37	Kelantan	KRT Mukim Bukit Jong	Ternakan Ikan Keli/Tilapia/Patin	-	KOLAM TERNAKAN IKAN AIR TAWAR
38	Kelantan	KRT Pondok Baru	Tanaman Fertigasi Cili & Lada	-	-
39	Melaka	KRT Kg Berangan Enam	Projek Penjualan Hasil Tanaman (Halia, Sayur-Sayuran)	-	-
40	Melaka	KRT Kg Bukit Nibong	Projek Pembuatan Kerisik	-	Projek Pembuatan Kuih Muih 'Ready-To-Eat' Dan 'Frozen'
41	Melaka	KRT Kg Gadek	Projek Penternakan Ayam	Projek Penanam Sayur-Sayuran Secara Hidroponik	-
42	Melaka	KRT Kemendor	Projek Tanaman Pisang, Ubi Kayu Dan Ternakan Ikan	-	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
			Air Tawar		
43	Melaka	KRT Kg Permatang Indah	Projek Dapur Suri: Penjualan Kuih Muih, Makanan Ready To Eat, Kerepek	-	-
44	Melaka	KRT Taman Bukit Rambai	Projek Kuih Frozen Wow	Projek Kebuniti KRT TBR: Tanaman Cendawan	-
45	Negeri Sembilan	KRT Bandar Springhill Selatan	-	Projek Tanaman Fertigasi (Sayur-Sayuran)	-
46	Negeri Sembilan	KRT Dangi	-	-	Projek Fertigasi Tanaman Terung, Serai, Cili, Sawi Pak Choy, Yang Akan
47	Negeri Sembilan	KRT Gemencheh Baru	Projek Pembuatan & Penjualan Rendang Maman Ayam & Daging/ Bayam Crispy/ Pegaga Crispy/Jeruk Maman	Projek Penanam Sayur-Sayuran Secara Bergilir (Cili, Maman, Terung, Timun, Kacang Buncis, Pegaga, Bayam Brasil, Halia, Kunyit, Kacang Botol).	Projek Madu Kelulut
48	Negeri Sembilan	KRT Ktmb	Projek Pembuatan & Penjualan Enjualan Kerepek, Roti, Kuih Frozen	Projek Penanaman Sayuran (Limau Kasturi, Serai, Cili Api, Pisang Dan Keladi)	-
49	Negeri Sembilan	KRT Taman Desa Jati	Projek Sabun Pencuci Serbaguna Sabun Pencuci Cecair Lilin Wangi Sabun Mandi"	-	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
50	Negeri Sembilan	KRT Taman Lelayang	-	-	Projek Penanaman Cendawan Volvariella Volacea (Cendawan Jerami)
51	Negeri Sembilan	KRT Taman Pinggiran Pedas	-	Projek Penanaman Serai Dan Ubi Kayu.	Produk Makanan Frozen Dan Cili Kering
52	Pahang	Kg. Sg. Meranti	Projek Kuih Tradisional Peralatan Lengkap	-	-
53	Pahang	KRT Desa Rimbunan Kaseh	Projek Sewaan Gerai Makan Dan Minuman Penambahan Peralatan	-	Projek Ternakan Kambing (Pembelian Kambing)
54	Pahang	KRT Kampung Lamir	-	Projek Penanam Pokok Pisang Lemak Manis	Projek Penternakan Ikan Keli
55	Pahang	KRT Kampung Simpang Kallang	-	Projek Penanaman Cili Bara Dan Terung Menggunakan Sistem Pertanian Fertigasi	-
56	Pahang	KRT Maran 2	Projek Sambal Hitam Berasaskan Belimbing Peralatan Memasak Heavy Duty	-	-
57	Pahang	KRT Puncak Arabella	-	Projek Penanaman Sayur Kobis Dan Cili Besar	-
58	Pahang	KRT Taman Anggerik Utama	-	Projek Tanaman Sayur-Sayuran Jenis Fertigasi Dan Membina Kolam Ikan Keli	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
59	Pahang	KRT Taman Impian	Projek Semaian Anak Pokok Buah-Buahan Durian, Durian Belanda, Mangga	-	-
60	Pahang	KRT Taman Impianku	-	Projek Tanaman Sayur Secara Hidroponik, Semaian Bunga Kertas	-
61	Pahang	KRT Taman Merbau Indah	Projek Perkhidmatan Sewaan Dewan Komuniti	-	Projek Fertigasi Cili Peralatan Fertigasi
62	Pahang	KRT Taman Sri Layang	Projek Perkhidmatan Sewaan Tapak Pasar Malam Kanopi Dan Alat Siaraya	-	Projek Kebun Komuniti Tanaman Cili Api (Fertigasi Gantung)
63	Pahang	KRT Sri Sentul	-	Tanaman Fertigasi Cili Bara	-
64	Perak	Bandar Universiti	-	-	Projek Ternakan Ikan Keli (Kanvas)
65	Perak	KRT Bandar Behrang 22	Projek Produk Makanan Bun, Puff, Aneka Pizza, Kek	Projek Tanaman Buah - Buahan Dan Penternakan Kolam Ikan Keli	-
66	Perak	KRT Bota Kanan	Projek Perkhidmatan Lot Kedai (8 Lot Kedai)	-	Projek Fertigasi - Tanaman Cili Dan Sayuran-Belum Laksana
67	Perak	KRT Intan Timur	-	Projek Fertigasi, Tanaman Terung Dan Cili	-
68	Perak	KRT Kg. Tersusun Klebang Selatan	Projek Kerepek Ubi Pelbagai Perisa.	Projek Tanaman Tebu Dan Sayur-Sayuran Seperti Cili, Kangkung, Serai, Bayam Dan Terung.	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
69	Perak	KRT Seri Manjung Vii (1d1,1d2,1d3)	-	Projek Tanaman Sayur-Sayuran.	-
70	Perak	KRT Taman Bagan Pasir	Projek Produk Sos Cili	-	Projek Tanaman Cili
71	Perak	KRT Taman Chandan Putri	-	Projek Tanaman Sayur-Sayuran	Projek Ternakan Ikan Keli
72	Perak	KRT Taman Chemor Idaman	Projek Katering Dan Bakeri	-	-
73	Perak	KRT Taman Intan Mas	Projek Tanaman Pelbagai Sayur-Sayuran Dalam Polybag	-	-
74	Perak	KRT Tmn Permai/Taman Diawan	Projek Perkhidmatan Penyewaan Kanopi Dan Pa Sistem KRT Taman Permai/Taman Diawan	-	-
75	Perak	Pekan Parit Buntar	Produk Makanan Kuah Rojak	-	-
76	Perak	KRT Kampung Tersusun Bukit Jana	-	Projek Tanaman Jagung, Sayur, Tebu, Serai & Nenas	-
77	Perak	KRT Taman Serai Permai	-	Projek Kebuniti Madani KRT: Tanaman Bendi, Terung, Betik, Cili, Sawi	PENTERNAKAN IKAN TALAPIA MERAH DAN IKAN KELI
78	Perak	KRT Tapah Road	Projek Sewaan Khemah	-	-
79	Perlis	KRT Kg Rama/ Permatang Keriang	Projek Minyak Serai Wangi / Mandian Herba	-	-
80	Perlis	KRT Taman Bukit Kayangan	Projek Penanaman Bawang, Penanaman Fertigasi (Cili, Terung, Kobis) , Hidroponik (Sawi) , Tanam Atas Tanah	-	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
			(Tebu, Jagung, Labu, Ubi) – Tepi Sungai		
81	Perlis	KRT Sempering	One stop center -food vendor- usahawan komuniti krt sempering-	-	-
82	Pulau Pinang	KRT Kg Baharu Pinang Tunggal	-	Projek Tanaman Sayur-Sayuran Dan Buah Buahan	Projek Penternakan Ikan Air Tawar
83	Pulau Pinang	KRT Pangsapuri Permata A-N	Projek Ekonomi Tanaman Bendi, Sawi, Kangkung, Betik, Nenas Dan Pisang	-	Projek Tanaman Cili Merah Dan Cili Padi
84	Pulau Pinang	KRT Taman Koskam	-	-	Projek Penternakan Ikan
85	Pulau Pinang	KRT Taman Puteri Gunung	Projek Penjualan Kerepek & Kuih Tradisional	-	-
86	Pulau Pinang	KRT Taman Tun Sardon A	Projek Pembuatan Kuih Frozen & Karipap Forzen	-	-
87	Pulau Pinang	KRT Kuala Jalan Baru	Projek Madu Kelulut	-	-
88	Sabah	Bipisi Bongawan	Projek Produk Makanan Berasaskan Ikan Iaitu Ikan Jeruk Pekasam	-	-
89	Sabah	Kg Batu Puteh	-	Projek Penanaman Cili Api	-
90	Sabah	Kg Menumpang	Projek Penanaman Fertigasi Secara Terbuka, Polibeg Dan Cili Dan	-	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
			Sayur-Sayuran		
91	Sabah	Kilimu	Projek Penanaman Nenas Madu	Projek Fertigasi Penanaman Cili	-
92	Sabah	KRT Bambangan 2	Projek Kolam Air Tawar	-	-
93	Sabah	KRT Kampung Baginda	Projek Teh Binuang Dan Mi Kuning	-	-
94	Sabah	KRT Kampung Hobut Tuid	-	-	Projek Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Pejabat/Sekolah Dan Lain-Lain.
95	Sabah	KRT Kg. Piasau	-	-	Projek Kraftangan Memproses Bahan Kitar Semula Menjadi Bahan Kraftangan
96	Sabah	KRT Kg. Sinaron	Projek Kraftangan Hasil Rimba Dan Sulaman Manik	-	-
97	Sabah	KRT Murni C	-	-	Projek Pertanian Fertigasi
98	Sabah	KRT Singgahmata	-	-	Projek Perkhidmatan Menjahit Pakaian -Mesin Jahit Tepi, Biasa Dan Industri
99	Sabah	KRT Taman Murni	Projek Iks Produk Makanan KRT Taman Murni (Jualan Di Bawah Ppr-Tamu) -Tamu Milik KRT	Projek Kebun Tani KRT Taman Murni (Hidroponik Salad Dan Pak Choy)	-
100	Sabah	KRT Taman Sungai Labuk 1	-	-	Projek Penternakan Ketam Dan

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
					Udang Lipan
101	Sabah	Pekan Sipitang	Projek Fertigasi Cili	-	-
102	Sabah	Sembulan Baru	-	Projek Tanaman Hidroponik Dan Fertigasi (Sayur Bunga,Cili Dan Salad)	-
103	Sabah	Siba Bundu Tuhan	-	-	Projek Fertigasi Penanaman Strawberi Fragaria
104	Sabah	Taman Jumbo	-	-	Projek Penanaman Cili Secara Fertigasi Dan Tanaman-Tanaman Lain Seperti Sayur Bunga, Sayur Putih, Pakchoi Dan Tanaman-Tanaman Lain
105	Sabah	Taman Semarak Jaya	Projek Tanaman Serai	Projek Tanaman Fertigasi Cili	
106	Sabah	Terawi	-	-	Projek Penanaman Cili Secara Fertigasi (Tanaman Utama) Terung Dan Labu (Tanaman Tambahan)
107	Sabah	KRT Kauran	Projek Solar Dryer (Pengeringan Buah-Buahan Dan Hasil Tani Tempatan/Lokal	-	-
108	Sabah	KRT Taman Wawasan Victoria	Pembuatan Mee Basah	Tanaman Hydroponic Nft Salad	Pembuatan Mee Kuih Tiaw

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
109	Sabah	KRT Kg Lompozou	Projek Kraftangan	-	-
110	Sarawak	KRT Dang Esah, Pusa	Projek Jualan Kuih	-	-
111	Sarawak	KRT Kampung Kuala Sibuti	Projek Produk Makanan Hasil Laut	-	-
112	Sarawak	KRT Kampung Petanak Seri	Projek Produk Makanan Dan Kuih Kering	Projek Sayuran Hidroponik (Sayur Salad Manis)	-
113	Sarawak	KRT Kampung Sinar Budi Lama	Projek Penanaman Buluh	-	-
114	Sarawak	KRT Kpg Pemukat	Projek Produk Ikan Liking , Keropok Lekor, Pusu Berlada , Sambal Tahai Dan Kuih Kering	Projek Tanaman Sayuran Jenis Kontan Poly Bag (Terung, Cili, Bendi, Serai, Halia)	-
115	Sarawak	KRT Nanga Ngungun Zon 1, Kanowit	-	-	Projek Kraftangan Manik Buri
116	Sarawak	KRT Nanga Ngungun Zon 2, Kanowit	Projek Gulung Tikar Anyaman Sarawak	-	-
117	Sarawak	KRT Nanga Ngungun Zon 3, Kanowit	-	-	Projek Kraftangan Manik Sulam
118	Sarawak	KRT Nanga Tada Zon 3, Kanowit	Projek Seni Kraftangan Manik	-	Projek Fertigasi (Bawang)
119	Sarawak	KRT Rpr Taman Sri Muhibbah	-	Projek Sayur Fertigasi (Terung/Halia)	-
120	Sarawak	KRT Sungai Banyau	Projek Kraftangan Manik	-	-
121	Sarawak	KRT Sungai Senapak Skim B Meradong Zon 2	-	Projek Tanaman Sayuran Secara Konvensional (Kacang Bendi, Kacang Panjang, Terung, Sawi, Bayam)	-
122	Sarawak	KRT Kampung Jabai	Projek pemprosesan	-	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
			Kerepek		
123	Sarawak	KRT Kampung Tengah Bakong	-	-	Tanah Hak Milik Individu (Tanah Milik KK Kampung Tengah Bakong) Projek Tanaman Sayuran Secara Konvensional (Tanaman Cili)
124	Selangor	KRT Blok 29 Green Valley Park	-	Projek Tanaman Hijau Cili Dan Pisang	Projek Memproses Santan Dan Kelapa Parut Serta Kambing Perap
125	Selangor	KRT Fasa 1I Bandar Tasek Kesuma	Projek Ekonomi Perkhidmatan Gelanggang Sukan	Projek Pembinaan Infrastruktur Kebun Komuniti	Projek Menaiktaraf Gelanggang
126	Selangor	KRT Kg Endah	Projek Ternakan Kambing	-	-
127	Selangor	KRT Persiaran Mahogani	Projek Sabun Serbaguna	Projek Tanaman Kontan (Cili, Terung, Bunga Kantan, Betik)	Projek Tanaman Kontan (Jagung, Tembikai, Betik Dan Projek Jahitan Dan Sulaman (Rm5)
128	Selangor	KRT Seksyen 2, Bandar Puncak Alam	Projek Pembuatan Beg Kait (Beg Crochet)	Projek Go Green Garden Menanam Herba Dan Sayur-Sayuran (Cili Padi, Cili Burung, Meranti, Miisai Kucing,	-
129	Selangor	KRT Seksyen 5 Bandar Rinching	Projek Ternakan Ikan Keli	Projek Aquaponik	Projek Ikan Keli Salai, Kelapa Parut Segar, Krisik Dan Pegaga Crispy

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
130	Selangor	KRT Sri Bakawali, Sri Sentosa	-	-	Projek Cendawan Tiram
131	Selangor	KRT Sri Sedeli	-	Projek Penanaman Kontan (Tebu, Cili Api, Sayur-Sayuran Terung, Serai, Pisang Dan Lain-Lain Lagi)	-
132	Selangor	KRT Taman Pandan Mewah	Projek Jahitan Beg Daripada Banner Terpakai	Projek Tanaman Sayuran, Herba, Ulaman, Serai, Nangka, Pisang, Roselle.	-
133	Selangor	KRT Tmn Dahlia	Projek Ternakan Ikan Keli	Projek Tanaman Kontan (Terung, Tebu Dan Keledek)	Projek Penambahbaikan Kawasan Aktiviti Memancing, Rekreasi Di Tasik Taman Dahlia
134	Selangor	KRT Kampung Tengah Lembah Batu 6 1/3	-	Kebun Komuniti KRT Kampung Tengah Lembah	-
135	Selangor	Zon D (Rista Villa)	Projek Ternakan Ikan Talapia Merah	Kebun Komuniti KRT Zon D - Pangsapuri Rista Villa & JMB Rista Villa	-
136	Terengganu	KRT Bandar Jerleh	-	Projek Tanaman Pokok Halia Bara, Cili, Tomato, Terung, Kunyit, Nenas Dan Tambahan Baru Adalah Sawi Hidroponik.	-
137	Terengganu	KRT Kg Gunung	Projek Community-Based Tourism Kalang Rengas	Projek Tanaman Nanas	Projek Daya Cipta Kr Power Box
138	Terengganu	KRT Kg Tok Amat / Gong Kassim		Projek Tanaman Fertigasi Gantung	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
139	Terengganu	KRT Kg. Telaga Batin	Projek Tanaman Fertigasi Cili Dan Timun 2. Produk Hiliran Berasaskan Cili - Sambal Penyet/Sos Cili/Lada Jeruk/Sos Pencicah 3. Ternakan Akuakultur Ikan Tilapia Dan Udang Galah 4. Perkhidmatan Katering	Projek Kebuniti (Tanaman Cili Dan Timun)	-
140	Terengganu	KRT Lorong Haji Da	Projek Pembuatan Kerepek (Maruku, Gertas Dan Bunga Durian) & Karipap Frozen	-	-
141	Terengganu	KRT Rumah Murah Binjai	-	Projek Penanaman Terung, Bendi, Kangkung (Sistem Fertigasi) Dan Penanaman Sayur-Sayuran Hijau (Sistem Hidroponik Nft)	-
142	Terengganu	Taman Rakyat Jaya	-	Projek Tanaman Cili Dan Timun	-
143	Terengganu	KRT Kampung Panchur Merah	-	Kebun Komuniti Jiran Muda KRT Kampung Panchur Merah	-
144	W.P. Kuala Lumpur	Desa Rejang	Projek Pengeluaran Produk Menjual & Pengedar Ac Gas, Sambal Belimbing & Ibu Sambal	Projek Sambal Belimbing	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
145	W.P. Kuala Lumpur	KRT Perumahan Awam Seri Perlis li	Penghasilan Produk Coklat Buatan Tangan Dan Pengeluaran Bunga Telang Kering Hasil Tanaman Kebun Komuniti.	Projek Tanaman Sayuran Daun Dan Buah, Pokok Herba, Anak-Anak Pokok	-
146	W.P. Kuala Lumpur	Perumahan Awam Seri Kota	Projek Muruku Oleh Jiran Wanita KRT Perumahan Awam Seri Kota	-	-
147	W.P. Kuala Lumpur	KRT Blok D, E & F Ppr Kerinchi Lembah Pantai	1. Produk Sabun 2. Produk Makanan Aneka Kerepek	-	MEMBUNGKUS DAN MENJUAL KEREPEK
148	W.P. Kuala Lumpur	KRT Kg Sg Penchala	Projek Ekonomi Kg Sg Penchala Produk Makanan - Bawang Goreng	Tanaman sayuran daun dan buah, pokok herba, anak-anak pokok, Jagung, terung, sayur brokoli	-
149	W.P. Kuala Lumpur	KRT Taman Setapak Indah	1. Pertanian Fertigasi - Tanaman Pokok Cili/ Buah Rock Melon 2. Ternakan Ikan dalam Tangki 3. Maruku dan Bawang Goreng Putih	-	-
150	W.P. Putrajaya	KRT Jalan K P11	Projek Penjualan Hasil Kebun Iaitu Sayuran Iaitu Bayam, Cili, Terung, Bendi, Kacang Panjang, Kantan, Serai Dan Limau Purut Serta Tanaman Berkala	-	-

BIL	NEGERI	NAMA KRT	NAMA PROJEK EKONOMI	NAMA KEBUN KOMUNITI	NAMA PROJEK BAHARU
			laitu Tebu, Nenas, Jagung Dan Tembikai.		
151	W.P. Putrajaya	KRT Apartment Presint 16	Madu Kelulut	-	-
152	Wp Labuan	KRT Kg. Kilan Pulau Akar	Projek Cendawan Tiram	Projek Penanaman Sayur-Sayuran Secara Hidroponik (Lada, Terung, Sawi, Kangkung Bendi, Kacang Tanah, Timun, Kacang Panjang) & Ubi	Projek Tanaman Limau Kasturi

**DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA
PENGGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA
BELAS**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA 2025
3 MAC 2025 SEHINGGA 25 MAC 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Senator Tuan Michael Mujah Lihan
[Libaran]**

TARIKH : 11/3/2025 (Selasa)

SOALAN NO. 17:

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah pemantauan semasa Kementerian terhadap penambahbaikan fasiliti TABIKA dan TASKA Perpaduan di Hulu Rajang dan adakah Kementerian mempertimbangkan penambahan bilangan TABIKA dan TASKA Perpaduan di kawasan Hulu Rajang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap penambahbaikan fasiliti Tabika dan Taska Perpaduan di seluruh negara bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak dapat dilaksanakan dengan baik. Selain itu, pihak Kementerian juga sangat mengambil baik dan akan melaksanakan tindakan susulan sekiranya terdapat cadangan peluasan Tabika Perpaduan atau Taska Perpaduan di kawasan Hulu Rajang. Sebagai makluman, sehingga kini belum ada sebarang permohonan bagi penubuhan Tabika Perpaduan atau Taska Perpaduan di kawasan Parlimen Hulu Rajang.

Oleh itu, permohonan dari pihak Ahli Parlimen, pemimpin tempatan dan komuniti bagi penubuhan Tabika Perpaduan boleh dikemukakan melalui Pejabat Perpaduan Daerah merujuk kriteria pembukaan Tabika Perpaduan seperti berikut:

- i) Minimum 200 unit rumah / kediaman atau 500 penduduk dalam kawasan cadangan penubuhan;
- ii) Mempunyai premis yang sesuai dan selamat (Kapasiti keluasan kelas memuatkan minimum 25 orang kanak-kanak);
- iii) Kawasan yang mempunyai kanak-kanak pelbagai etnik; dan

- iv) Bilangan kanak-kanak yang berumur empat (4) tahun hingga enam (6) tahun dalam kawasan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS
PENGGAJAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA 2025
3 MAC 2025 SEHINGGA 25 MAC 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Senator Tuan Michael Mujah Lihan
[Murum]**

TARIKH : 05/3/2025 (Rabu)

SOALAN NO. 43:

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kesediaan Kementerian untuk menaik taraf Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang terdapat di kawasan pendalaman Sarawak dan apakah perancangan Kementerian bagi meningkatkan jumlah KRT berdaftar bagi tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai agensi yang menaungi Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Kementerian amat menitikberatkan keaktifan dan keberkesanan setiap KRT yang ditubuhkan supaya dapat melaksanakan fungsi dan tugasnya seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 8, Akta Rukun Tetangga 2012. Ianya penting bagi memastikan penubuhan KRT di sesuatu kawasan memberi limpahan manfaat kepada komuniti setempat dalam aspek keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian.

Sebagai makluman Yang Berhormat, sehingga bulan Disember 2024, sebanyak **8,529 KRT** telah ditubuhkan di seluruh negara di mana 91 daripada jumlah tersebut adalah merupakan KRT baharu yang ditubuhkan pada tahun 2024. Sehingga bulan Januari 2025, terdapat sebanyak **1,092 KRT di negeri Sarawak**. Terdapat 39 KRT yang terdapat di pedalaman Sarawak dan jumlah KRT ini adalah yang ketiga tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain.

Kementerian sentiasa memastikan supaya tiada KRT yang tercicir atau terpinggir dalam apa jua inisiatif yang dirangka dan dilaksanakan. Usaha untuk menaik taraf KRT di pedalaman khususnya di Sarawak juga sentiasa diteruskan. Misalnya Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif yang dimulakan pada tahun 2024 turut akan diperluaskan di kawasan pedalaman berdasarkan potensi dan profiling yang dibangunkan.

Selain itu, beberapa pendekatan yang dilaksanakan bagi menaik taraf KRT yang terdapat di kawasan pedalaman Sarawak adalah melibatkan penyediaan infrastruktur seperti pembinaan Pusat Rukun Tetangga (PRT), peningkatan sara hidup dari segi ekonomi komuniti, keselamatan, kepimpinan, pembelajaran sepanjang hayat, alam sekitar dan juga digitalisasi.

Mengambil kira permintaan berterusan masyarakat untuk menubuhkan KRT, maka pada tahun 2025, Kementerian mensasarkan sebanyak **100 lagi KRT baharu** ditubuhkan berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu:-

- i) **Permohonan nama KRT** yang diletakkan atas nama kawasan komuniti;
- ii) **Pemohon** merupakan wakil penduduk sekurang-kurangnya 20 orang;
- iii) **Kepelbagaian penduduk** yang terdiri daripada pelbagai kaum/etnik mengikut kawasan;
- iv) **Anggaran bilangan rumah** bagi kategori bandar hendaklah mempunyai minimum 200 buah rumah manakala bagi kategori luar bandar pula mempunyai minimum 100 buah rumah;
- v) **Anggaran bilangan penduduk** bagi kategori bandar mempunyai minimum 1000 orang penduduk manakala bagi kategori luar bandar pula mempunyai minimum 500 orang penduduk;

- vi) **Keluasan kawasan** merangkumi maksimum 10 hektar bagi kategori bandar dan bagi kategori luar bandar maksimum 12.5 ekar atau 50 hektar; dan
- vii) **Kriteria tambahan** yang telah ditetapkan adalah meliputi beberapa perkara seperti:
- Dokumentasi permohonan yang lengkap;
 - Kesesuaian kawasan – saiz dan anggaran bilangan penduduk dan pertindihan dengan agensi dan organisasi kemasyarakatan yang lain;
 - Keperluan berdasarkan isu / konflik komuniti dan keselamatan komuniti;
 - Permintaan masyarakat dan komuniti tempatan; dan
 - Permintaan pemimpin tempatan.

Kementerian juga sentiasa meningkatkan promosi di media arus perdana mengenai manfaat dan kelebihan penubuhan KRT kepada masyarakat sebagai usaha meningkatkan bilangan penubuhan KRT pada tahun 2025.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA 2025
3 MAC 2025 SEHINGGA 25 MAC 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN MOHD HASBIE BIN
MUDA**

TARIKH : 20/3/2025 (Khamis)

SOALAN NO. 43:

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakah jumlah Tabika Perpaduan sedia ada dan yang akan dibina pada tahun 2025 di Negeri Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, terdapat sebanyak 72 buah Tabika Perpaduan di Negeri Terengganu dengan jumlah 1,556 orang murid Tabika Perpaduan, 71 orang Guru Tabika Perpaduan dan 71 orang Penolong Guru Tabika Perpaduan. Pecahan bagi kategori bangunan Tabika Perpaduan adalah seperti berikut:-

- i. Bangunan milik Jabatan sebanyak 18 buah;
- ii. Bangunan gunasama/ tumpang sebanyak 27 buah; dan
- iii. Bangunan sewa sebanyak 27 buah.

Pada tahun 2025, JPNIN akan mengemukakan permohonan pembinaan Kompleks Perpaduan Bukit Besar, Terengganu yang turut menempatkan Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan. Permohonan pembinaan premis ini akan dikemukakan di bawah projek RMKe-13 Rolling Plan 1 Tahun 2026.

**PENYEDIAAN JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN DEWAN NEGARA
BAGI MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KE-
15 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PENGGAL KETIGA
3 MAC 2025 SEHINGGA 25 MAC 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli

TARIKH : 25 Mac 2025

SOALAN NO. 45:

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah penganjukan Kem Perpaduan Anak Malaysia yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian dan bagaimana Kementerian merancang untuk melibatkan lebih ramai pemegang taruh dalam pelaksanaannya pada masa akan datang

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kem Perpaduan Anak Malaysia merupakan program inisiatif Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Program ini dirancang di bawah kluster Semarak Kenegaraan di bawah *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia Madani. Program ini dirancang khususnya untuk ahli Kelab Rukun Negara yang terdiri daripada pelbagai etnik. Objektif pelaksanaan program ini adalah:

- i. Meningkatkan semangat patriotisme, jati diri dan memupuk perpaduan dalam kalangan murid sekolah;
- ii. mengeratkan hubungan silaturahim antara etnik serta menerima kepelbagaian cara hidup masyarakat; dan
- iii. meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan murid terhadap pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

Bagi tahun 2024, JPNIN telah melaksanakan program ini di **Peringkat Kebangsaan** pada 25 hingga 29 September 2024 bertempat di Centre of Technology Excellent Sarawak (Centrex). Jumlah peserta yang terlibat adalah seramai **120** orang murid.

Manakala, peringkat **negeri** pula, dilaksanakan di Negeri Sembilan iaitu di Pusat Latihan Kenegaraan, Ulu Sepri pada 25 hingga 28 Oktober 2024. Jumlah peserta adalah seramai **80** orang.

Pelaksanaan program bagi tahun 2024 merupakan kolaborasi bersama antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bersama Kementerian Pendidikan Malaysia, Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM). Jumlah penyertaan ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu seramai **200** orang peserta.

Untuk memastikan agar lebih ramai penglibatan pemegang taruh pada masa akan datang, Kementerian mengambil inisiatif dengan meneruskan pelaksanaan program ini pada tahun 2025. Di mana, Kementerian memperluaskan pelaksanaan program ini kepada tiga (3) peringkat iaitu peringkat Kebangsaan di Negeri Kelantan, di Zon Tengah yang melibatkan peserta daripada Negeri Selangor, W.P, Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya dan di Negeri Sabah.

Selain itu, Kementerian akan terus memberi fokus berhubung pembudayaan Rukun Negara khususnya di kalangan generasi muda melalui kepelbagaian aktiviti yang merangkumi patriotisme, jati diri, warisan dan silang budaya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
YANG KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA 2025
3 MAC 2025 SEHINGGA 25 MAC 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Senator Tuan Amir bin Md Ghazali

TARIKH : 06/3/2025 (Khamis)

SOALAN NO. 52:

Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat penambahan terhadap peruntukan kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di setiap Kawasan yang dikira agak sedikit bagi perbelanjaan operasi tahunan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa sekarang, Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara menyediakan peruntukan geran sebanyak RM6,000.00 setahun kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang aktif bagi tujuan pentadbiran dan pengoperasiannya. Kementerian memahami bahawa jumlah ini tidak mencukupi bagi menampung kos operasi yang semakin meningkat khususnya untuk melaksanakan sekurang-kurangnya lapan (8) program/aktiviti setahun yang menjadi kriteria utama dalam penilaian keaktifan KRT.

Walaupun dana diterima Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah terhad, perkara ini tidak sama sekali menjejaskan usaha kerajaan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Pendekatan baharu diambil Kementerian adalah menggalakkan KRT untuk memanfaatkan inisiatif di bawah program RT Progresif.

RT Progresif menyediakan peluang kepada KRT untuk melaksanakan agenda perpaduan secara lebih kreatif dan berkesan melalui pelbagai kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, pihak swasta serta komuniti setempat. Melalui pengurusan sumber yang bijak, pendekatan kolaboratif dan penglibatan aktif komuniti, KRT boleh terus memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat.

Pada tahun 2024, sebanyak 152 KRT telah diperkasakan sebagai RT Progresif yang berupaya membangun komuniti mampan dan progresif melalui lapan (8) bidang peranan iaitu:

- (i) Ekonomi dan Sara Hidup
- (ii) Keselamatan dan Ketahanan Komuniti
- (iii) Kepimpinan
- (iv) Kesejahteraan Komuniti
- (v) Pembelajaran Sepanjang Hayat
- (vi) Alam Sekitar
- (vii) Warisan dan Budaya
- (viii) Daya Cipta

Pada tahun 2025 disasarkan sekurang-kurangnya 300 KRT lagi akan dipilih untuk diperkasakan sebagai RT Progresif dengan penilaian yang terperinci merangkumi penyediaan profil, pemetaan sosial, permohonan projek ekonomi dan kebun komuniti yang mampu memberi manfaat kepada komuniti setempat. Selain itu, KRT juga akan berperanan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (*bridge builder*) melalui peningkatan dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik semua pihak bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif.

Menerusi sokongan kewangan ini, RT Progresif akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, menyediakan lebih banyak peluang untuk aktiviti kemasyarakatan dan memperkukuhkan lagi peranan Rukun Tetangga sebagai entiti penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat. Kerjasama antara kerajaan, masyarakat dan agensi-agensi yang terlibat akan terus dipertingkatkan untuk memastikan kejayaan inisiatif ini,

selaras dengan visi kerajaan untuk membangunkan negara yang harmoni dan bersatu.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA
PENGGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Dato Henry Agong [LAWAS]

TARIKH : 23 JULAI 2025 (RABU)

SOALAN : NO. 6

SOALAN

YB Dato Henry Agong minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai pendekatan khusus untuk mempromosi budaya dan adat resam kaum etnik di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. UNESCO atau Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, memainkan peranan penting dalam menentukan dan mengiktiraf warisan budaya ketara dan tidak ketara. UNESCO telah menetapkan bahawa **budaya tidak ketara melibatkan aspek bukan fizikal seperti tradisi lisan, adat resam, seni persembahan, bahasa dan pengetahuan tradisional.**
2. Kementerian Perpaduan Negara komited dalam memelihara dan mempromosikan budaya serta adat resam semua kaum etnik di Malaysia sebagai asas utama perpaduan nasional selaras dengan objektif Dasar Perpaduan Negara. Kementerian telah mengambil pendekatan mempromosi budaya dan adat resam kaum etnik melalui segmen berikut :
 - I. **Program:** Sambutan Minggu Perpaduan (mengangkat seni, budaya dan adat melalui aktiviti), pameran Rumah KAMI (rumah etnik), Foodunites (promosi makanan tradisional), Bicara Bahasa Kolokial (dokumentasi bahasa komuniti), sambutan perayaan (Ponggal, Hari Raya Aidilfitri, Gawai Kaamatan, Pesta Songkran), Festival Kaligrafi Perpaduan serta Arkib Komuniti (mengadakan program lisan dan aktiviti mengumpulkan maklumat seperti perubatan tradisional)

- II. **Pameran khas:** Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia mengadakan pelbagai pameran seperti (Pameran Pesona Telepuk, Pameran Rahsia Kebaya, Pameran Fabrik ASEAN dan Pameran Opera Cina)
 - III. **Muzium Adat** di bawah Jabatan Muzium Malaysia turut memainkan peranan penting dalam mempromosikan kekayaan adat dan budaya etnik melalui pameran interatif dan program pendidikan.
 - IV. Kementerian turut menggunakan platform digital dan media sosial melalui **promosi kepelbagaian budaya di media sosial dan perdana melalui Iklan Perayaan, dokumentari etnik minoriti serta kempen video pendek** yang memaparkan keunikan adat resam rakyat Malaysia.
3. Pelaksanaan program-program yang saya nyatakan sebentar tadi dibuat dengan pendekatan kerjasama di pelbagai peringkat masyarakat seperti Rukun Tetangga, pelajar sekolah melalui Kelab Rukun Negara, institusi pengajian tinggi melalui Sekretariat Rukun Negara serta Badan Bukan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISMI BIN MAT
TAIB [PARIT]**

TARIKH : 29 JULAI 2025 (SELASA)

SOALAN : NO. 9

SOALAN

YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha Kementerian dalam menangani sentimen perkauman dan ekstremisme agama di media sosial serta hasil pemantauan sehingga separuh tahun pertama 2025.

JAWAB BERSEKALI

YB TUAN GANABATIRAU AL VERAMAN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan:

- (c) langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan ucapan awam mahupun di atas talian yang menghina kaum dan agama setakat ini; dan

(d)adakah Kementerian berniat untuk menggubal akta yang baharu untuk menyekat ucapan menghina sebegini yang kian menular.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mohon izin Tuan Yang Dipertua, untuk saya menjawab pertanyaan daripada **YB Parit** bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Klang bertarikh 7 Ogos 2025** kerana perkara yang dibangkitkan adalah menyentuh isu yang sama.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, **pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penyebaran isu-isu sensitif yang melibatkan agama, raja dan kaum (3R) di media sosial adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).**
3. Bagi tempoh antara tahun 2023 hingga Julai 2025, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan tindakan seperti berikut:
 - **Sebanyak 11,967 kandungan berunsur 3R turut dikenal pasti dan dilaporkan untuk penurunan.**
 - **Daripada jumlah tersebut, 7,673 kandungan 3R telah berjaya diturunkan oleh pihak penyedia platform berkaitan.**

4. Walaupun Kementerian Perpaduan Negara tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan secara langsung, kementerian ini tetap memainkan peranan penting melalui **pendekatan reformasi (*reformative approach*) intervensi, mediasi dan kesedaran** bagi menangani isu-isu sensitif berkaitan agama, kaum dan kenyataan berbaur kebencian.

5. Antara langkah utama yang dilaksanakan:

- I. Kementerian melaksanakan pemantauan terhadap kenyataan berbaur kebencian, keagamaan dan perkauman melalui **Sistem Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN)**. Setiap aduan akan disalurkan kepada agensi penguat kuasa berkaitan untuk tindakan segera.
- II. **Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP)** merangkumi **12 Kementerian dan Agensi** diwujudkan bagi menyelaraskan tindakan pantas terhadap isu-isu berpotensi menjejaskan perpaduan.
- III. Kementerian membangunkan **Dashboard Analitik Perpaduan** iaitu sebuah papan pemuka digital bagi mengenal pasti **lokasi-lokasi 'hotspot'** yang berisiko tinggi terhadap ketegangan kaum atau agama. Maklumat ini digunakan untuk merancang dan melaksanakan program intervensi yang bersasar di peringkat komuniti.

- IV. Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan kempen '**Cakap Baik-Baik**' yang bertujuan mendidik masyarakat agar lebih beretika, berhemah dan bertanggungjawab dalam komunikasi atas talian.
6. Antara contoh insiden yang berjaya diselesaikan oleh Kementerian melalui pendekatan reformasi adalah:
- I. Seorang peniaga jagung yang mencetuskan kontroversi akibat memaparkan papan tanda berunsur perkauman di Sepang telah tampil memohon maaf secara terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia, khususnya masyarakat India. Penyelesaian isu ini telah dimediasi dengan baik oleh dua pemimpin Kawasan Rukun Tetangga (KRT), iaitu Encik Roseman dan Encik Syawal, yang bertindak sebagai orang tengah dalam meredakan ketegangan.
 - II. Pengarah JPNIN Johor bersama Duta Perpaduan Johor telah membantu menyelesaikan isu seorang lelaki menampar lelaki Cina yang sedang makan ketika bulan Ramadan.
 - III. Menggerakkan rondaan melalui Skim Rondaan Sukarela di Kawasan PPR susulan beberapa warga asing didakwa sebar agama mereka kepada umat islam.

IV. Kerjasama dengan SKMM bagi mengambil tindakan terhadap syarikat atau individu yang menyebarkan kebencian di atas talian.

7. Di samping itu, Kementerian ini juga berpandangan tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu **undang-undang baharu** untuk menyekat ucapan menghina buat masa ini dan memadai dengan **meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada** oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Komunikasi melalui Polis Diraja Malaysia serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

8. Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa. Terdapat beberapa akta dan perundangan telah digubal dan dikuatkuasakan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Komunikasi iaitu **Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Hasutan serta Akta Mesin dan Cetak.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GANABATIRAU AL VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 7 OGOS 2025 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 5

SOALAN

YB TUAN GANABATIRAU AL VERAMAN minta **MENTERI
PERPADUAN NEGARA** menyatakan:

- a) langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan ucapan awam mahupun di atas talian yang menghina kaum dan agama setakat ini; dan
- b) Adakah Kementerian berniat untuk menggubal akta yang baharu untuk menyekat ucapan menghina sebegini yang kian menular.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) KPN sentiasa melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan ucapan awam mahupun di atas talian yang menghina kaum dan agama. Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah menyebarkan prinsip asas integrasi nasional iaitu **FAHAM, HORMAT dan TERIMA** dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya.

Prinsip asas ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkukuh semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat, bahkan dapat menangani isu-isu yang berkaitan dengan keharmonian antara penganut agama, meningkatkan toleransi dan mengukuhkan pemahaman. Antara program Kementerian bagi menyebarkan konsep Faham, Hormat dan Terima adalah melalui platform media sosial seperti berikut:

- i. menghasilkan video-video mesej perpaduan yang dimuatnaik di semua saluran media sosial KPN yang menampilkan pelbagai golongan seperti pemimpin setempat, golongan akademik, selebriti dan lain-lain;
- ii. menggunakan pempengaruh (*influencer*) sebagai *spokesperson* dalam menyampaikan maklumat berkaitan perpaduan kepada masyarakat kepada pengikut mereka di media sosial; dan

- iii. pelaksanaan kempen di media sosial yang melibatkan penyertaan awam seperti Kempen Jiwa Merdeka, Merdeka Video Challenge, Kempen Cakap Baik-Baik dan Kempen Faham, Hormat, Terima.

Selain itu, program Jejak Harmoni juga diperluaskan untuk memahami masyarakat terhadap kepelbagaian amalan agama di Malaysia.

- (b) Kementerian Perpaduan Negara sememangnya mengambil serius mengenai isu ucapan menghina (*hate speech*) yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian negara. Namun begitu, KPN berpandangan Akta dan Perundangan sedia ada telahpun mencukupi untuk memastikan perpaduan kaum kekal terpelihara seperti:

- i. **Akta Hasutan 1948 [Akta 15]**. Undang-undang yang bertujuan untuk menghukum perbuatan yang dianggap menghasut seperti ucapan yang mendatangkan kebencian/ penghinaan, menimbulkan perasaan tidak puas hati/ tidak setia, mengembangkan perasaan niat jahat/ permusuhan/ atau penerbitan/ edaran terbitan yang mempunyai kecenderungan menghasut.
- ii. **Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]**. Digunakan untuk pendakwaan kes-kes jenayah, termasuk kes yang berkaitan hasutan melalui perbuatan yang mengancam ketenteraman awam atau keselamatan negara; dan

iii. **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].**

Kesalahan dalam penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dengan menyebarkan maklumat salah/ palsu yang melibatkan unsur-unsur hasutan dan menimbulkan kebencian.

Justeru, tiada keperluan untuk Kerajaan menambah akta baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD

TARIKH : 28 OGOS 2025 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 4

Dr. Siti Mastura Binti Muhammad [Kepala Batas] minta **Menteri Perpaduan Negara** menyatakan apakah terdapat kajian dan pelaksanaan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan warganegara Malaysia serta langkah kerajaan untuk menangani masalah ketidakmampuan bertutur dalam Bahasa Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat Kementerian Perpaduan Negara pada masa ini, tiada kajian khusus yang dijalankan berkaitan tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan warganegara Malaysia.
2. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah melaksanakan dua kajian khusus berkaitan Bahasa Kebangsaan, iaitu Bahasa Melayu seperti berikut:
 - I. Kajian Sikap Masyarakat terhadap Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Tempat Awam di Malaysia. Kajian ini bertujuan mengenal pasti sikap masyarakat setempat terhadap penggunaan Bahasa Kebangsaan di tempat awam, khususnya pada paparan umum seperti papan iklan luar, papan tanda premis perniagaan, kain rentang, gegantungan dan poster.
 - II. Kajian Indeks Penggunaan Bahasa Kebangsaan – Kajian ini dijalankan untuk mengukur tahap penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Hasil kajian ini digunakan oleh DBP bagi merangka dasar, merancang serta melaksanakan program penggalakan penggunaan Bahasa Kebangsaan secara lebih bersasar.
3. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Kepentingannya sebagai bahasa ilmu yang menjadi medium pengajaran dan pembelajaran

telah membawa kepada pewartaan Akta Pendidikan 1961 (Pindaan 1996).

4. Malah, Kementerian Perpaduan Negara melalui Dasar Perpaduan Negara telah menetapkan salah satu strategi utama, iaitu mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi perpaduan. Selain itu, Pekeliling Pembudayaan Amalan Patriotisme dan Taat Setia Penjawat Awam, yang telah berkuat kuasa pada 17 Mac 2025, turut menekankan penggunaan Bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi kerajaan.
5. Usaha berterusan perlu dalam memartabatkan Bahasa Kebangsaan agar kekal subur sepanjang zaman. Masyarakat perlu mengamalkan penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian untuk memastikan bahasa yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia itu kekal relevan dan terus berkembang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 28 OGOS 2025 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 7

SOALAN

YB DR. HAJAH HALIMAH ALI minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan kenyataan, tindakan atau dasar yang dikeluarkan oleh Menteri atau agensi Kerajaan tidak mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara sentiasa **memantau individu di setiap peringkat tidak kira rakyat biasa, pemimpin komuniti mahupun ahli politik** yang mengeluarkan kenyataan, tindakan atau dasar yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama di negara ini.
2. Pengesanan dan pemantauan isu-isu berkaitan perpaduan di peringkat akar umbi dilaksanakan melalui **sistem e-SEPAKAT**. Hasil daripada laporan sistem e-SEPAKAT tersebut, Kementerian akan mengambil langkah-langkah intervensi sosial dengan menggunakan Kaedah atau **Gerak Kerja 5P** merangkumi pelaksanaan program-program berbentuk **Penggalakan, Pencegahan, Pencelahan, Pemulihan dan Pembangunan Keupayaan**.
3. Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan sebuah platform digital baharu iaitu **RAKAN (Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional)** sebagai saluran rasmi bagi orang awam menyalurkan aduan berkaitan isu perpaduan dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Melalui sistem ini, identiti pelapor akan sentiasa terpelihara, manakala aduan yang diterima akan diproses oleh Pegawai Perpaduan Daerah sebelum disalurkan kepada agensi berkaitan. Pelaksanaan platform RAKAN ini bertujuan

memperkuh respons kerajaan terhadap isu masyarakat di peringkat akar umbi, di samping meningkatkan kecekapan pemantauan keharmonian serta keselamatan nasional.

4. Di samping itu, Kementerian juga telah **melantik 571 orang Mediator Komuniti di seluruh negara bagi menguruskan isu-isu perpaduan di peringkat komuniti**. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadu antara agensi, ianya akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti PDRM, SKMM, MKN dan PBT.
5. Dari segi tadbir urus pula, pada Januari tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan **Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP)** yang dianggotai oleh 12 agensi kerajaan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk menangani isu perpaduan secara lebih sistematik, menyeluruh dan berstruktur.
6. Kementerian sentiasa memandang serius terhadap sebarang isu yang berpotensi mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama di negara ini. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan langkah-langkah proaktif bagi mencegah sebarang elemen yang boleh menggugat keharmonian masyarakat majmuk serta menjejaskan perpaduan nasional.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR PUAN RITA SARIMAH ANAK
PATRICK INSOL**

TARIKH : 28 OGOS 2025 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 28

SOALAN

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada komen-komen di media sosial berhubung isu antara PETRONAS dan PETROS telah menjejaskan perpaduan antara penduduk di Semenanjung Malaysia dan Sarawak dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memupuk dan memperkukuh perpaduan antara rakyat di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil maklum bahawa terdapat komen-komen di media sosial berhubung isu antara PETRONAS dan PETROS yang mencetuskan pelbagai pandangan dan perbincangan, khususnya berkaitan hak dan kepentingan ekonomi negeri Sarawak.
2. Hasil pemantauan kementerian melalui laporan media, analisis sentimen serta kerjasama dengan agensi berkaitan mendapati bahawa isu berkenaan tidak menunjukkan tanda-tanda signifikan yang boleh menjejaskan keharmonian mahupun hubungan antara rakyat secara keseluruhannya. Pandangan yang tular di media sosial lebih tertumpu kepada perbincangan dasar, hak perundangan dan pentadbiran sumber dan bukannya serangan peribadi atau diskriminasi terhadap mana-mana kumpulan etnik atau wilayah secara meluas.
3. Walau bagaimanapun, sebagai langkah proaktif, kementerian telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi memastikan perbincangan isu sebegini tidak berkembang menjadi polemik yang boleh menggugat perpaduan masyarakat antaranya:

- i. **Pemantauan Sentimen Konflik dan Aduan Awam**

Kementerian sentiasa memantau trend komen di media sosial serta maklum balas masyarakat melalui sistem e-

Sepakat dan **Sistem Aduan Orang Awam (RAKAN)** bagi mengenal pasti kandungan berunsur provokasi atau hasutan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil segera.

ii. Pendidikan Kenegaraan Berterusan

Kementerian terus memperkukuh semangat cintakan negara dengan menerapkan nilai faham, hormat dan terima sejak peringkat awal persekolahan hingga ke komuniti. Pendekatan ini bertujuan meningkatkan literasi masyarakat agar sentiasa matang dan profesional dalam mengurus kehidupan dalam kepelbagaian.

Antara program yang dilaksanakan termasuk **Pendidikan Rukun Negara di Tabika Perpaduan, Program Jalinan Integrasi Nasional (JALIN), Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP), Jelajah Belia Rukun Negara Malaysia (JBRM), Citra Negaraku, Arkib@Sekolah, Kempen Cakap Baik-Baik** serta **Kempen Taat Setia Rukun Negara**.

iii. Penyebaran Maklumat yang Tepat

Kementerian sentiasa memastikan penyebaran maklumat yang sahih dan mudah difahami oleh rakyat bagi mengelakkan manipulasi fakta serta salah tafsir di media sosial.

iv. **Pengukuhan Dialog Perpaduan**

Kementerian juga melaksanakan program **Dialog Perpaduan** dan **Townhall Keselamatan** sebagai platform komunikasi rasmi antara pemimpin masyarakat dan komuniti. Melalui pendekatan ini, sebarang salah faham dapat diperjelaskan dengan fakta yang tepat dan telus.

4. Kementerian juga menegaskan bahawa sebarang isu berasaskan kepentingan wilayah atau negeri, termasuk melibatkan PETRONAS dan PETROS, perlu ditangani secara bijaksana melalui semangat perundingan, pematuhan undang-undang dan komunikasi berhemah. Seiring dengan itu, pelbagai inisiatif akan terus dilaksanakan bagi merapatkan jurang persepsi serta meningkatkan kesedaran rakyat bahawa kekuatan Malaysia terletak pada perpaduan antara semua wilayah dan kaum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR TUAN ABUN SUI ANYIT

TARIKH : 08 SEPTEMBER 2025 (ISNIN)

SOALAN : NO. 13

SOALAN :

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- c) berapakah jumlah Rukun Tetangga yang ada mengikut daerah di Sarawak dan apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan penduduk; dan
- d) berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap Rukun Tetangga pada setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah Kawasan Rukun Tetangga yang berdaftar secara rasminya di negeri Sarawak adalah sebanyak 1,095.
2. Untuk makluman Senator, pada tahun 2024, Kementerian telah mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif. Peranan Rukun Tetangga sebagai penggerak, pengantara penting serta penjalin hubungan (bridge builder) dalam masyarakat menuntut satu lonjakan transformasi, khususnya melalui landskap pembangunan yang dipacu oleh komuniti sendiri (community-driven development).
3. Sehubungan itu, Kementerian telah menetapkan lapan (8) bidang tumpuan utama bagi memastikan Rukun Tetangga menjadi entiti yang relevan, inklusif dan berdaya tahan, iaitu: Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta. Bidang-bidang ini diyakini akan menjadikan Rukun Tetangga sebagai wahana penting dalam membangunkan komuniti progresif yang mampu menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan.
4. Antara aktiviti yang dilaksanakan melalui lapan bidang utama ini termasuklah projek ekonomi seperti kebun komuniti dan kraftangan, sambutan perayaan, program ziarah rahmah, bakul rahmah, rondaan sukarela, bantuan banjir, gotong-royong, dialog perpaduan dan pelbagai lagi inisiatif. Kesemua aktiviti ini bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada masyarakat, malah berperanan sebagai tapak integrasi nasional yang mampu mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat.

5. Pada masa kini, kadar geran Rukun Tetangga yang disalurkan oleh kerajaan adalah sebanyak RM6,000.00 setahun. Geran ini merangkumi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran serta pelaksanaan pelbagai aktiviti yang dirancang oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Kementerian sedar bahawa kadar geran sebanyak RM6,000 setahun adalah agak rendah dan tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Sehubungan itu, pada tahun ini sekali lagi kementerian telah memohon kepada Kementerian Kewangan agar mempertimbangkan penambahan geran aktiviti untuk KRT kepada RM10,000 setahun supaya lebih banyak program dapat dilaksanakan secara berkesan demi kesejahteraan komuniti dan pengukuhan perpaduan rakyat.
2. Sekiranya penambahan geran ini diluluskan, ia akan memberi impak besar kepada Jawatankuasa Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara. Dengan peruntukan yang lebih mencukupi, KRT dapat merancang dan melaksanakan lebih banyak aktiviti yang inklusif serta berskala besar, khususnya melibatkan aspek keselamatan komuniti, pengukuhan ekonomi setempat, pembangunan sosial dan integrasi nasional. Langkah ini diyakini dapat memperkukuh peranan KRT sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi.

MAKLUMAT TAMBAHAN
JUMLAH KRT MENGIKUT DAERAH DI NEGERI SARAWAK

BIL	DAERAH	JUMLAH KRT
1	Asajaya	32
2	Bau	21
3	Belaga	12
4	Betong	67
5	Bintulu	48
6	Dalat	9
7	Daro	22
8	Julau	7
9	Kanowit	37
10	Kapit	38
11	Kuching	197
12	Lawas	59
13	Limbang	58
14	Lubok Antu	7
15	Lundu	9
16	Marudi	13
17	Matu	12
18	Meradong	23
19	Miri	86
20	Mukah	63
21	Pakan	3
22	Samarahan	29
23	Saratok	31
24	Sarikei	38
25	Serian	23
26	Sibu	57
27	Simunjan	27
28	Song	7
29	Sri Aman	56
30	Tatau	4
	JUMLAH	1,095

**MAKLUMAT TAMBAHAN
SENARAI RT PROGRESIF NEGERI SARAWAK**

BIL	BAHAGIAN	KAWASAN RUKUN TETANGGA
1	Betong	Dang Esah, Pusa
2		Serudit B
3		Munggu Sibau Saratok
4	Bintulu	Kg Baru Tatau
5		Kampung Assyakirin Fasa 3
6		Uma Bawang Apo Koyan, Daerah Belaga, Bahagian Kapit, Sarawak
7		Kg Penan Muslim 10
8	Kapit	Kampung Jabai
9		Sungai Banyau
10		Sungai Sibau Ulu
11	Kuching	Nanga Sema
12		Kampung Sinar Budi Lama
13		Tmn Indah Landeh
14		Kpg Simboh
15		Kampung Pinggan Jaya
16	Lawas	Sps Kampung Bako
17		Kpg Pemukat
18		Serdang/Belibat
19		Kg Aru
20		Tanjung Aru, Sundar
21	Limbang	Kg Batong
22		Kampung Pabahanan
23		Kampung Seberang Kedai
24		Pengkalan Rejab
25	Meradong	PPR Rangau
26		Gemuan
27	Miri	Kampung Kuala Sibuti
28		Piasau Utara
29		Desa Senadin Fasa 1
30		Kg Tunku Abd Rahman Lambir
31	Mukah	Kampung Petanak Seri
32		Kampung Penakub Ulu, Mukah
33		Tutus Hilir, Mukah

BIL	BAHAGIAN	KAWASAN RUKUN TETANGGA
34	Samarahan	RPR Taman Sri Muhibbah
35		Kg Melayu
36		Taman Hijrah Simunjan
37		Kpg Nanas Simunjan
38		Tambirat Lot
39		Kg Melayu
40	Saratok	Kampung Melayu Roban
41	Sarikei	Sungai Senapak Skim B Meradong Zon 2
42		Tanjung Bundong
43		Sungai Teras Kerubong
44		Kampung Masjid Baru, Belawai
45	Serian	Kg Tun Razak Triboh
46	Sibu	Nanga Ngungun Zon 1, Kanowit
47		Nanga Ngungun Zon 2, Kanowit
48		Nanga Ngungun Zon 3, Kanowit
49		Nanga Tada Zon 3, Kanowit
50		Kemuyang Fasa 1
51		Sungai Durin
52	Sri Aman	Kampung Tengah Bakong
53		Agropolitan Pulau Seduku Indah Zon A
54		Kg Hulu Bakong

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2025 (ISNIN)

SOALAN : NO. 59

SOALAN

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :

- c) Mekanisme pemantauan dan penilaian awal untuk menilai kesan sistem ini terhadap pengukuhan perpaduan dan pengesanan isu perpecahan sosial; dan
- d) Status semasa penggunaan sistem e-Sepakat kepada orang awam yang diumumkan pada awal tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas pertanyaan ini. Mekanisme pemantauan dan penilaian awal untuk menilai kesan sistem ini terhadap pengukuhan perpaduan dan pengesanan isu perpecahan sosial dilaksanakan melalui pendekatan bersepadu yang menggabungkan tadbir urus, sistem digital serta intervensi sosial yang responsif. Antara mekanisme utama adalah seperti berikut:

1. Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP)

JPIP merupakan jawatankuasa utama yang berperanan membincangkan isu-isu perpaduan yang kritikal serta menentukan langkah intervensi yang bersesuaian berdasarkan tahap risiko sesuatu insiden. JPIP turut disokong oleh:

- i. **Jawatankuasa Komunikasi Strategik Isu Perpaduan (Stratcomm)** – yang bertanggungjawab mencadangkan langkah mitigasi dan strategi intervensi komunikasi.
- ii. **Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)** – yang memberi pandangan kepada Kerajaan berkaitan isu-isu penyatupaduan nasional serta kaedah penyelesaian terbaik.

Melalui struktur ini, keputusan yang dibuat adalah lebih menyeluruh kerana melibatkan aspek dasar, strategi komunikasi serta pemantauan risiko secara berperingkat.

2. Sistem e-Sepakat

e-Sepakat ialah sistem digital bersepadu yang berfungsi sebagai **dashboard analitik perpaduan**. Sistem ini turut menjadi instrumen **pemantauan masa nyata** yang membantu kementerian menyalurkan laporan segera kepada pihak berkuasa atau agensi berkaitan seperti PDRM dan SKMM apabila terdapat ancaman kepada keharmonian masyarakat.

3. Platform Digital Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN)

RAKAN dilancarkan pada 19 Jun 2025 sebagai saluran aduan digital orang awam. Ia membolehkan masyarakat menyalurkan laporan berkaitan tanda-tanda awal ketegangan sosial, diskriminasi agama atau kaum dan isu yang menggugat keharmonian komuniti. Fungsi utama RAKAN termasuk **pengumpulan maklumat akar umbi, pengesanan awal (*early detection*), penyelarasan tindakan, rekod dan dokumentasi dan pengukuhan jaringan komuniti**.

4. Kementerian telah mengguna pakai konsep 5P sebagai kerangka intervensi dalam pengurusan isu perpaduan. Konsep ini meliputi **penggalakan** iaitu usaha memperkukuh nilai perpaduan melalui program kesedaran awam; **pencegahan** melalui pemantauan proaktif menggunakan sistem e-Sepakat, KRT dan SRS; **pencelahan** dengan melaksanakan mediasi komuniti serta dialog rentas kaum apabila konflik tercetus; **pemulihan** yang

menekankan sokongan pasca konflik dan pengukuhan semula hubungan sosial serta **pembinaan keupayaan** dengan melatih pegawai dan pemimpin komuniti agar lebih bersedia mengurus konflik secara profesional. Pendekatan 5P ini membolehkan Kementerian bertindak lebih awal, menyeluruh dan berkesan dalam memastikan keharmonian masyarakat terus terpelihara

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sehingga kini, hampir **200 pengguna** telah berdaftar dengan sistem **RAKAN**, dengan **10 laporan** diterima, dianalisis dan disalurkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan segera. Promosi penggunaan sistem ini juga giat dijalankan melalui pelbagai platform.
6. Manakala sistem **e-Sepakat** digunakan secara aktif oleh pegawai perpaduan di semua peringkat bagi pemetaan risiko sosial dan pemantauan isu perpaduan. Sehingga Julai 2025, sebanyak **867 isu perpaduan** telah direkod dan dipantau, dengan data tersebut membantu Kementerian merangka intervensi bersasar termasuk kerjasama bersama PDRM dan SKMM bagi kes yang kritikal.

Tuan Yang di-Pertua,

Gabungan RAKAN, e-Sepakat dan IPNas akan mewujudkan satu ekosistem pemantauan dan pengurusan komuniti yang lebih menyeluruh, merangkumi pengumpulan data aktiviti, penilaian keberkesanan program,

penyelarasan tindakan mitigasi dan intervensi serta pelaporan prestasi secara bersepadu dan masa nyata. Integrasi ini membolehkan maklumat disalurkan dengan lebih cepat, tepat dan telus, seterusnya meningkatkan keupayaan Kementerian untuk membuat keputusan strategik dan memperkukuh jaringan kerjasama komuniti di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [Beruas]

SOALAN : NO. 166

SOALAN

Dato' Ngeh Koo minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Kementerian untuk mengurangkan polisi-polisi Kerajaan yang mempunyai unsur-unsur diskriminasi kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Kementerian Perpaduan Negara (KPN)** sentiasa komited dan **proaktif dalam usaha untuk mengukuhkan perpaduan nasional serta menangani sebarang bentuk diskriminasi kaum**, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antara tindakan utama yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah melalui pendekatan pendidikan, pemantauan dan advokasi bagi membentuk masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni.
2. Sebagai langkah strategik, **Dasar Perpaduan Negara (DPN) 2021–2030** telah digubal sebagai kerangka menyeluruh untuk memperkukuhkan perpaduan nasional. Ia berasaskan **Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan** serta mengangkat nilai-nilai **kefahaman, hormat-menghormati dan penerimaan** sebagai tonggak keharmonian negara.
3. Selain itu, Kementerian juga telah menggubal **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN)** sebagai dokumen rujukan utama dalam usaha memperkukuh perpaduan di negara ini. Pelan ini secara jelas **menyenaraikan peranan dan tanggungjawab pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan dalam melaksanakan inisiatif perpaduan** secara menyeluruh dan bersepadu.

4. Melalui pelan ini, **kementerian-kementerian digalakkan untuk menilai semula dasar dan program masing-masing agar lebih inklusif, adil dan bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi kaum.** Ini termasuk dasar-dasar dalam bidang pembangunan sosioekonomi, pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan awam.
5. KPN turut **bekerjasama erat dengan kementerian lain dalam proses semakan dasar serta menyediakan input dasar bagi memastikan prinsip keadilan sosial, kesaksamaan dan keterangkuman** sentiasa diutamakan dalam pelaksanaan dasar kerajaan.
6. Selain itu, **Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI merupakan satu inisiatif strategik yang digerakkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam usaha meletakkan asas perpaduan negara melalui pendekatan holistik yang merentasi pelbagai sektor, agensi dan komuniti.** Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkukuh semangat jati diri dan patriotisme rakyat, malah turut memberi penekanan kepada interaksi sosial secara praktikal menerusi pelbagai aspek seperti budaya, pendidikan, komuniti dan sukan.
7. Melalui pelaksanaan yang bersifat inklusif ini, KPN menyasarkan untuk membudayakan perpaduan sebagai sebahagian daripada amalan harian rakyat Malaysia sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH HALIMAH ALI (KAPAR)

NO SOALAN : 247

SOALAN

Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar) minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakah jumlah aduan rasmi yang telah diterima oleh Kementerian sejak tahun 2023 sehingga kini berkaitan isu-isu yang menyentuh sensitiviti perkauman atau keagamaan dan apakah langkah penyelesaian yang telah diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah membangunkan satu sistem pemantauan yang dikenali sebagai e-Sepakat. Sistem ini berfungsi sebagai mekanisme pemantauan, pengumpulan data dan pelaporan awal berkaitan isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan keharmonian dan perpaduan negara. Bagi tempoh pemantauan dari tahun 2023 hingga 30 Jun 2025, sebanyak:

- **245 kes direkodkan berkaitan Agama**
- **77 kes berkaitan Perkauman**

Kementerian telah mengambil pelbagai langkah intervensi dan pencegahan secara strategik dan bersepadu. Antara inisiatif utama ialah:

1. Pengurusan Perpaduan melalui e-sepakat

- Platform e-Sepakat dibangunkan sebagai sistem pengurusan maklumat perpaduan secara digital. Ia berfungsi untuk memantau status harmoni masyarakat melalui pengumpulan data, maklum balas dan laporan daripada komuniti. Melalui sistem e-Sepakat ini membolehkan tindakan pencegahan diambil lebih awal berdasarkan maklumat terkini yang dikemas kini secara berterusan.

2. Kerjasama Rentas Agensi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP)

- Sebarang isu berkaitan 3R yang dikesan melalui e-Sepakat akan disalurkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) kepada agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan agensi berkaitan untuk tindakan lanjut mengikut bidang kuasa masing-masing. Kerjasama rentas agensi ini memastikan penyelarasan yang lebih mantap dan tindakan segera yang berlandaskan peruntukan undang-undang.

3. Pemerkasaan Jentera Perpaduan Komuniti

- Kementerian memperkasa peranan entiti akar umbi seperti Jawatankuasa Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bukan sahaja sebagai barisan hadapan dalam pengesanan awal konflik, tetapi juga sebagai penggerak kepada program-program penggalakan perpaduan dan kemasyarakatan. Inisiatif seperti Dialog Harmoni, Sambutan Perayaan Bersama dan aktiviti kemasyarakatan membantu merapatkan jurang antara kaum di peringkat komuniti serta membina rasa saling hormat dan kepercayaan antara penduduk setempat.
- Kementerian juga mengaktifkan pelaksanaan mediasi komuniti dan dialog antara kaum jaringan Mediator Komuniti terlatih dan Pegawai Perpaduan Daerah untuk melaksanakan sesi mediasi,

perbincangan komuniti dan pendekatan diplomasi sosial dalam menangani isu-isu sensitif secara aman dan mengelakkan konflik terbuka.

4. Pembangunan Platform Digital RAKAN

- Kementerian turut memperkenalkan Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) sebagai saluran aduan digital yang membolehkan masyarakat melaporkan tanda-tanda awal ketegangan sosial, diskriminasi agama atau kaum serta isu-isu yang menggugat keharmonian komuniti. Platform ini juga menyokong pemantauan masa nyata dan intervensi berasaskan data oleh Pegawai Perpaduan dan agensi berwajib.

Kementerian Perpaduan Negara akan terus menambah baik pendekatan pengesanan dan penyelesaian konflik sosial secara menyeluruh, berpaksikan prinsip Rukun Negara, dan Dasar Perpaduan Negara 2021–2030. Keamanan dan keharmonian bukan sekadar tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi memerlukan sokongan aktif semua pihak termasuk masyarakat sivil, agensi penguatkuasaan dan komuniti akar umbi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

NO SOALAN : NO. 299

SOALAN

YB Datuk Wetrom bin Bahanda minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang wujud di daerah Kota Marudu dan apakah perancangan dari pihak Kementerian bagi memastikan program-program KRT ini berjaya dilaksanakan dan mencapai pihak disasarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga bulan Jun 2025, sebanyak **59 Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** telah ditubuhkan di daerah Kota Marudu, Sabah. Terdapat KRT yang aktif melaksanakan pelbagai program/aktiviti masing-masing bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian dalam komuniti masing-masing.
2. Dalam usaha meningkatkan hubungan sosial antara komuniti setempat, **Kementerian Perpaduan Negara** telah memperkenalkan inisiatif **KRT Progresif**, iaitu sebuah program menaik taraf **Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** agar menjadi lebih progresif dan berdaya maju. KRT Progresif memfokuskan kepada lapan bidang utama iaitu **ekonomi sara hidup, keselamatan dan ketahanan komuniti, kepimpinan, kesejahteraan komuniti, pembelajaran sepanjang hayat, alam sekitar, warisan budaya serta daya cipta**.
3. Dengan pendekatan holistik ini, matlamat utama program ini adalah untuk membangunkan komuniti yang mampan dan progresif melalui penglibatan aktif penduduk dalam pelbagai aktiviti dan inisiatif yang berimpak tinggi. **Kerajaan MADANI** juga telah memperuntukkan sebanyak **RM20 juta** diperuntukkan melalui **Belanjawan 2024 dan 2025** untuk memperkasakan KRT sebagai penggerak komuniti progresif.

4. Fasa pertama dilaksanakan pada tahun 2024, dengan sasaran awal sebanyak 116 KRT untuk dijadikan KRT Progresif. Namun, pelaksanaan melebihi sasaran apabila sejumlah 152 KRT berjaya diiktiraf sebagai KRT Progresif.
5. Di Daerah Kota Marudu, **KRT Singgahmata telah dimodelkan sebagai RT Progresif pada tahun 2024**. KRT ini melaksanakan aktiviti ekonomi menjahit pakaian yang dapat meningkatkan dan menjana pendapatan kepada komuniti setempat. Selain itu, aktiviti ini juga dapat menjana tabung kewangan kepada KRT (money in the bank).
6. Seterusnya, fasa kedua akan dilaksanakan pada tahun 2025 dengan sasaran untuk memperluas pelaksanaan kepada sekurang-kurangnya 300 KRT. Kementerian akan terus menilai dan menambah baik pelaksanaan berdasarkan pengalaman dan kejayaan fasa terdahulu.
7. Bagi fasa ketiga, inisiatif ini akan diperluaskan kepada KRT lain secara berperingkat melalui peruntukan dan pelaksanaan dalam kerangka Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Pendekatan berfasa ini bertujuan memastikan setiap KRT bukan sahaja aktif dan berdaya saing, tetapi juga progresif dari segi tadbir urus, penyertaan komuniti dan impak sosial di peringkat akar umbi.

8. Bagi memastikan program-program Kawasan Rukun Tetangga (KRT) berjaya dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan, Kementerian Perpaduan Negara telah merangka beberapa langkah strategik. Antara langkah utama ialah melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas pelaksanaan aktiviti KRT di seluruh negara. Pemantauan ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program, mengenal pasti cabaran di peringkat pelaksanaan serta menyediakan intervensi yang bersesuaian sekiranya diperlukan.
9. Selain itu, Kementerian juga sedang dalam perancangan untuk membangunkan satu aplikasi digital khusus bagi KRT. Aplikasi ini akan berfungsi sebagai platform pemantauan dan pelaporan aktiviti, di samping memudahkan urusan komunikasi, pelaporan kewangan, serta pengurusan data dan maklumat KRT secara lebih sistematik dan efisien. Pendigitalan ini dijangka dapat meningkatkan tahap kecekapan pengurusan serta menggalakkan penglibatan komuniti secara lebih aktif dan menyeluruh dalam inisiatif perpaduan di peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. ZULKAFPERI BIN
HANAPI (BERSARA)**

SOALAN : NO. 685

SOALAN

YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kesan keberkesanan pelaksanaan program Rukun Tetangga serta Perpaduan Madani berbilang kaum seperti di Selangor dan Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan sebuah organisasi sukarela berasaskan komuniti yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan sejak tahun 1975 dan kini meraikan Jubli Emas penubuhannya pada tahun ini.
2. Sepanjang tempoh tersebut, KRT bukan sahaja berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang bertujuan memastikan keselamatan, kesejahteraan serta keharmonian dalam komuniti setempat, malah turut membuktikan keberkesanan dan kejayaannya dalam aspek pengurusan serta pembangunan komuniti. Transformasi KRT daripada fokus awal yang menumpukan kepada aspek keselamatan pada tahun 1975 kini berkembang menjadi sebuah penggerak komuniti progresif melalui inisiatif terbaru yang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2024.
3. Kewujudan KRT dalam komuniti adalah amat signifikan dan menyumbang kepada Perpaduan MADANI khususnya kepada komuniti setempat yang berbilang kaum. Antara kesan keberkesanan utamanya adalah:

- i. meningkatkan kesejahteraan ekonomi komuniti melalui pelaksanaan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan isi rumah, mengurangkan kos sara hidup dan menambah tabung kewangan RT;
- ii. meningkatkan tahap keselamatan dalam kawasan kejiranan/ komuniti melalui aktiviti rondaan dan kawalan yang dilaksanakan oleh anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS). Aktiviti yang dilaksanakan secara sukarela ini bukan sahaja dapat membantu pihak keselamatan mengurangkan kadar jenayah, tetapi juga meningkatkan tahap rasa selamat dalam kalangan komuniti;
- iii. memperkukuhkan hubungan sosial dan semangat kejiranan dalam kalangan komuniti di mana RT berperanan sebagai **Tapak Integrasi** bagi menyediakan *platform* interaksi, hubungan sosial dan pertemuan anggota masyarakat dalam kawasan kejiranan. Komuniti dapat saling mengenali dan seterusnya memupuk semangat perpaduan MADANI melalui nilai-nilai perpaduan seperti persefahaman, kerjasama, hormat menghormati dan saling mempercayai; dan
- iv. memupuk semangat kerjasama, nilai tanggungjawab dan kebersamaan dalam kalangan komuniti berkonsepkan “Daripada Komuniti kepada Komuniti” dan “Komuniti Kita Tanggungjawab Kita”.

4. Sehingga bulan Jun 2025, sebanyak 8,586 RT telah ditubuhkan di seluruh negara. Pada tahun 2024, sebanyak hampir 70,000 program/aktiviti telah berjaya dilaksanakan yang memberi limpahan manfaat kepada komuniti setempat khususnya yang terdiri daripada berbilang kaum.
5. Sehingga bulan Jun 2025, jumlah KRT di Negeri Selangor adalah sebanyak 1,116 manakala di Pulau Pinang adalah sebanyak 525 KRT. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12 KRT di Selangor dan 6 KRT di Pulau Pinang telah dimodelkan sebagai KRT Progresif di bawah pelaksanaan inisiatif Pemerkasaan KRT Sebagai Penggerak Komuniti Progresif.
6. KRT Progresif yang berjaya di Selangor adalah KRT Seksyen 5 Bandar Rinching yang melaksanakan projek kebun komuniti, ikan keli salai, kerisik, pegaga crispy dan kelapa parut segar serta KRT Fasa 1L Bandar Tasek Kesuma yang menyediakan perkhidmatan sewaan gelanggang sukan dan kebun komuniti. Manakala di Pulau Pinang, KRT Kuala Jalan Baru, Barat Daya dan KRT Kg Baharu Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara dimodelkan sebagai RT Progresif pada tahun 2024 dan aktif melaksanakan projek madu kelulut dan kebun komuniti.
7. Justeru, KRT telah berjaya membuktikan kewujudannya yang memberi impak yang amat positif kepada komuniti setempat khususnya dalam konteks komuniti berbilang kaum.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA
PENGGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR PUAN TIEW WAY KENG

TARIKH : 26 OGOS 2025 (SELASA)

SOALAN : NO. 15

SOALAN

YB SENATOR PUAN TIEW WAY KENG minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan perpaduan dan kesan pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peranan utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.**
2. **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** telah digubal berasaskan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan sebagai kerangka menyeluruh untuk memperkukuhkan perpaduan nasional. Kementerian juga telah menggubal **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN)** sebagai dokumen rujukan utama dengan menyenaraikan peranan dan tanggungjawab pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan dalam melaksanakan inisiatif perpaduan secara menyeluruh dan bersepadu.
3. Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai **Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI**. Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.
4. Selaras dengan itu, kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada **penghayatan semula Rukun**

Negara termasuk pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara di sekolah, institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan kini turut diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pelaksanaan **inisiatif Eksplorasi Rukun Negara**.

5. Pada tahun ini, tema **'Harmoni Dalam Kepelbagaian'** diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat dan Terima** antara satu sama lain.
6. Sejak tahun 2023, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan jelas memperlihatkan bahawa **pembinaan Negara Bangsa** merupakan **matlamat akhir** kepada usaha **memperkukuh perpaduan nasional**.
7. **Pembinaan negara bangsa** kini telah diangkat sebagai salah satu tonggak utama dalam **RMK13**. Perkara ini selari dengan **ASPIRASI MALAYSIA 2040** iaitu pada tahun 2040, **Malaysia akan menjadi sebuah negara bangsa** yang mempunyai rakyat yang hidup sebagai masyarakat yang saksama.
8. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara bagi merangka **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa**, disusuli penganjuran **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada Oktober ini.

9. Kesan daripada usaha-usaha bagi memperkasa perpaduan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini telah menunjukkan hasil yang positif berdasarkan **peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional** daripada **0.567 pada tahun 2018** kepada **0.629 pada tahun 2022**.
10. Untuk makluman Senator, **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** kini sedang dilaksanakan untuk kali ketiga dan dijangka mempunyai dapatan skor sebanyak **0.7**, yang mencerminkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Indeks ini menilai aspek-aspek penting seperti **hubungan antara etnik, persepsi terhadap identiti nasional dan kepercayaan sosial**, sekali gus menjadi rujukan utama dalam merangka dasar serta inisiatif kementerian ke arah memperkukuh perpaduan negara.
11. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited melaksanakan pelbagai program yang berteraskan **kenegaraan, pembinaan jati diri dan pemeraksanaan nilai perpaduan**. Ini termasuk inisiatif yang bersifat pendidikan nilai, penghayatan sejarah, dialog antara kaum, serta aktiviti kesukarelawanan yang menyatukan pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH LIHAN

TARIKH : 28 OGOS 2025 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 67

SOALAN

YB SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH LIHAN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kemajuan terbaharu terhadap Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak yang dibangunkan di bawah Kementerian dan apakah langkah susulan yang dirangka Kementerian berpandukan model yang dibangunkan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak telah dilaksanakan selama enam (6) bulan bermula pada 20 Oktober 2023 hingga 19 April 2024 melibatkan seramai 3,053 responden daripada pelbagai latar belakang.
6. Objektif kajian tersebut adalah untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kesepaduan sosial di Sabah dan Sarawak, membuat analisis perbandingan dan membangunkan model kesepaduan sosial Sabah dan Sarawak untuk memperkukuh perpaduan dan integrasi di Malaysia.
7. Dapatan kajian telah memperlihatkan wujudnya tahap kesepaduan sosial yang tinggi di Sabah (4.13) dan Sarawak (4.22). Hal ini membuktikan bahawa, tahap kesepaduan sosial di Sabah dan Sarawak adalah terbaik untuk dijadikan sebagai model untuk diamalkan oleh seluruh masyarakat di Malaysia.
8. Pelbagai inisiatif dan program telah diambil tindakan oleh pihak kementerian sebagai langkah susulan berpandukan kepada model kajian ini bagi menambahbaik perpaduan dan integrasi di Malaysia.
9. Justeru, Kementerian berharap agar pelaksanaan program-program yang dicadangkan melalui pelan tindakan ini mampu meningkatkan

tahap perpaduan dan integrasi rakyat Malaysia sekaligus memberikan impak yang positif terhadap skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' PROF. EMERITUS DR.
MOHAMMAD REDZUAN BIN OTHMAN**

TARIKH : 4 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 62

SOALAN

YB Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk mewajibkan lagu Negaraku dinyanyikan dan Rukun Negara dilafazkan dalam setiap program rasmi bukan sahaja oleh agensi Kerajaan, tetapi juga pihak swasta, sebagaimana sesetengah negara mengamalkannya dalam konteks negara mereka bagi menyemai kecintaan dan hormat kepada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

10. Kami berterima kasih atas soalan **YB Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan Bin Othman**, setakat ini kewajipan cuma kepada sektor awam sahaja. Kerajaan menyambut baik atas cadangan tersebut dan mencadangkan kedua-duanya dimasukkan di bawah Akta Lagu Kebangsaan 1968 [Akta 808] untuk pemakaian.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Akta Lagu Kebangsaan 1968 [Akta 808] secara menyeluruhnya menjamin kesetiaan negara dan memupuk semangat patriotisme kepada negara dengan menyeru semua rakyat untuk bersama-sama memulakan sebarang majlis rasmi dengan nyanyian lagu Negaraku dan lafaz ikrar Rukun Negara.
2. Selain itu, Mesyuarat Jemaah Menteri telah pun memutuskan supaya semua majlis rasmi Kementerian dan Agensi Kerajaan dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan lafaz ikrar Rukun Negara pada 25 Julai 2023. Susulan daripada keputusan MJM tersebut, satu surat daripada Ketua Setiausaha Negara telah diedarkan kepada semua Kementerian dan Agensi Kerajaan pada 20 September 2024.
3. Satu Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2025: Pembudayaan Amalan Patriotisme dan Taat Setia Setia Penjawat Awam yang bertujuan untuk membentuk penjawat awam yang berjiwa patriotik, setia kepada negara dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukun Negara melalui pembudayaan amalan patriotisme dan taat setia penjawat awam juga telah dikuatkuasakan pada 17 Mac 2025.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025
25 OGOS 2025 – 10 SEPTEMBER 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR TUAN ABUN SUI ANYIT

TARIKH : 08 SEPTEMBER 2025 (ISNIN)

SOALAN : NO. 13

SOALAN NO. 13:

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :

Berapakah jumlah Rukun Tetangga yang ada mengikut daerah di Sarawak dan apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan penduduk dan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap Rukun Tetangga pada setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah Kawasan Rukun Tetangga yang berdaftar secara rasminya negeri Sarawak adalah sebanyak 1,095.
2. Untuk makluman Senator, pada tahun 2024, Kementerian telah mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif. Peranan Rukun Tetangga sebagai penggerak, pengantara penting serta penjalin hubungan (bridge builder) dalam masyarakat menuntut satu lonjakan transformasi, khususnya melalui landskap pembangunan yang dipacu oleh komuniti sendiri (community-driven development).
3. Sehubungan itu, Kementerian telah menetapkan lapan (8) bidang tumpuan utama bagi memastikan Rukun Tetangga menjadi entiti yang relevan, inklusif dan berdaya tahan, iaitu: Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta. Bidang-bidang ini diyakini akan menjadikan Rukun Tetangga sebagai wahana penting dalam membangunkan komuniti progresif yang mampu menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan.
4. Antara aktiviti yang dilaksanakan melalui lapan bidang utama ini termasuklah projek ekonomi seperti kebun komuniti dan kraftangan, sambutan perayaan, program ziarah rahmah, bakul rahmah, rondaan sukarela, bantuan banjir, gotong-royong, dialog perpaduan dan pelbagai lagi inisiatif. Kesemua aktiviti ini bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada masyarakat, malah berperanan sebagai tapak integrasi nasional yang mampu mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat.

5. Pada masa kini, kadar geran Rukun Tetangga yang disalurkan oleh kerajaan adalah sebanyak RM6,000.00 setahun. Geran ini merangkumi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran serta pelaksanaan pelbagai aktiviti yang dirancang oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Kementerian sedar bahawa kadar geran sebanyak RM6,000 setahun adalah agak rendah dan tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Sehubungan itu, pada tahun ini sekali lagi kementerian telah memohon kepada Kementerian Kewangan agar mempertimbangkan penambahan geran aktiviti untuk KRT kepada RM10,000 setahun supaya lebih banyak program dapat dilaksanakan secara berkesan demi kesejahteraan komuniti dan pengukuhan perpaduan rakyat.
2. Sekiranya penambahan geran ini diluluskan, ia akan memberi impak besar kepada Jawatankuasa Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara. Dengan peruntukan yang lebih mencukupi, KRT dapat merancang dan melaksanakan lebih banyak aktiviti yang inklusif serta berskala besar, khususnya melibatkan aspek keselamatan komuniti, pengukuhan ekonomi setempat, pembangunan sosial, dan integrasi nasional. Langkah ini diyakini dapat memperkukuh peranan KRT sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi.

MAKLUMAT TAMBAHAN
JUMLAH KRT MENGIKUT DAERAH DI NEGERI SARAWAK

BIL	DAERAH	JUMLAH KRT
1	Asajaya	32
2	Bau	21
3	Belaga	12
4	Betong	67
5	Bintulu	48
6	Dalat	9
7	Daro	22
8	Julau	7
9	Kanowit	37
10	Kapit	38
11	Kuching	197
12	Lawas	59
13	Limbang	58
14	Lubok Antu	7
15	Lundu	9
16	Marudi	13
17	Matu	12
18	Meradong	23
19	Miri	86
20	Mukah	63
21	Pakan	3
22	Samarahan	29
23	Saratok	31
24	Sarikei	38
25	Serian	23
26	Sibu	57
27	Simunjan	27
28	Song	7
29	Sri Aman	56
30	Tatau	4
	JUMLAH	1,095

**MAKLUMAT TAMBAHAN
SENARAI RT PROGRESIF NEGERI SARAWAK**

BIL	BAHAGIAN	KAWASAN RUKUN TETANGGA
1	Betong	Dang Esah, Pusa
2		Serudit B
3		Munggu Sibau Saratok
4	Bintulu	Kg Baru Tatau
5		Kampung Assyakirin Fasa 3
6		Uma Bawang Apo Koyan, Daerah Belaga, Bahagian Kapit, Sarawak
7		Kg Penan Muslim 10
8	Kapit	Kampung Jabai
9		Sungai Banyau
10		Sungai Sibau Ulu
11	Kuching	Nanga Sema
12		Kampung Sinar Budi Lama
13		Tmn Indah Landeh
14		Kpg Simboh
15		Kampung Pinggan Jaya
16	Lawas	Sps Kampung Bako
17		Kpg Pemukat
18		Serdang/Belibat
19		Kg Aru
20		Tanjung Aru, Sundar
21	Limbang	Kg Batong
22		Kampung Pabahanan
23		Kampung Seberang Kedai
24		Pengkalan Rejab
25	Meradong	PPR Rangau
26		Gemuan
27		Kampung Kuala Sibuti
28	Miri	Piasau Utara
29		Desa Senadin Fasa 1
30		Kg Tunku Abd Rahman Lambir
31	Mukah	Kampung Petanak Seri
32		Kampung Penakub Ulu, Mukah
33		Tutus Hilir, Mukah

BIL	BAHAGIAN	KAWASAN RUKUN TETANGGA
34	Samarahan	RPR Taman Sri Muhibbah
35		Kg Melayu
36		Taman Hijrah Simunjan
37		Kpg Nanas Simunjan
38		Tambirat Lot
39		Kg Melayu
40	Saratok	Kampung Melayu Roban
41	Sarikei	Sungai Senapak Skim B Meradong Zon 2
42		Tanjung Bundong
43		Sungai Teras Kerubong
44		Kampung Masjid Baru, Belawai
45	Serian	Kg Tun Razak Triboh
46	Sibu	Nanga Ngungun Zon 1, Kanowit
47		Nanga Ngungun Zon 2, Kanowit
48		Nanga Ngungun Zon 3, Kanowit
49		Nanga Tada Zon 3, Kanowit
50		Kemuyang Fasa 1
51		Sungai Durin
52	Sri Aman	Kampung Tengah Bakong
53		Agropolitan Pulau Seduku Indah Zon A
54		Kg Hulu Bakong

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU**

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2025 (ISNIN)

SOALAN : NO. 58

SOALAN

SENATOR DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha yang diambil Kementerian dalam melaksanakan pelan untuk memperkukuhkan tahap perpaduan negara yang kini kian rapuh dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap isu-isu perkauman yang sengaja diwujudkan sesetengah pihak bagi kepentingan tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha memperkukuhkan tahap perpaduan negara, KPN telah menggubal **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** berasaskan **Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan** dengan mengangkat nilai-nilai **kefahaman, hormat-menghormati dan penerimaan** sebagai tonggak keharmonian negara.
2. Kementerian juga telah menggubal **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN)** sebagai dokumen rujukan utama dalam usaha memperkukuh perpaduan di negara ini.
3. Selain itu, Kementerian juga telah melancarkan **Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** untuk memperkukuh semangat jati diri dan patriotisme rakyat.
4. Untuk menangani isu-isu perkauman yang sengaja diwujudkan oleh sesetengah pihak, Kementerian Perpaduan Negara menggunakan pendekatan reformasi (reformative aproach) intervensi, mediasi dan kesedaran bagi menangani isu-isu sensitif berkaitan agama, kaum dan kenyataan berbaur kebencian. Antara kaedah yang digunakan ialah:

- i. **Sistem Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN)** yang menyalurkan aduan ke agensi penguat kuasa untuk tindakan segera.
 - ii. **Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP)** melibatkan **12 Kementerian dan Agensi** untuk menyelaraskan isu-isu berpotensi menjejaskan perpaduan.
 - iii. **Dashboard Analitik Perpaduan** untuk mengenal pasti **lokasi-lokasi 'hotspot'** yang berisiko tinggi terhadap ketegangan kaum atau agama.
 - iv. **Kempen 'Cakap Baik-Baik'** untuk mendidik masyarakat agar lebih beretika, berhemah dan bertanggungjawab dalam komunikasi atas talian.
5. Selain itu, terdapat beberapa akta dan perundangan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Komunikasi bagi menangani isu-isu sensitif yang melibatkan agama, raja dan kaum (3R).
6. Dalam hal ini, penguatkuasaan yang telus dan adil, tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kelas sosial adalah amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- i. **Seksyen 295 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan;
- ii. **Seksyen 296 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang;
- iii. **Seksyen 298 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang;
- iv. **Seksyen 298A Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan;
- v. **Seksyen 504 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- vi. **Seksyen 505 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;

- vii. **Seksyen 506 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah;
- viii. **Subseksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301]** iaitu hasil penerbitan yang menyiarkan dengan niat jahat, apa-apa berita yang tidak benar maka pencetak, penulis, penerbit dan penyunting boleh dikenakan hukuman;
- ix. **Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]** bagi apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain;
- x. **Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15]** bagi mengawal kesalahan menghasut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ROBERT LAU HUI YEW

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2025 (SELASA)

SOALAN : NO. 9

SOALAN

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewajibkan pemakaian lencana Jalur Gemilang bagi pelajar institusi pengajian tinggi dan penjawat awam demi memperkukuh semangat cinta kepada negara dan memupuk nilai patriotisme.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, Kementerian Perpaduan Negara tidak bercadang untuk mewajibkan pemakaian lencana Jalur Gemilang bagi pelajar institusi pengajian tinggi dan penjawat awam. Hal ini kerana pelaksanaan dasar serta pengisian aktiviti patriotisme sedia ada untuk kedua-dua kategori tersebut adalah memadai.
2. Walau bagaimanapun, cadangan ini boleh diteliti dari semasa ke semasa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
3. Dalam masa yang sama, pemupukan semangat patriotisme wajar dimulakan sejak di bangku sekolah, justeru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewajibkan pemakaian lencana Jalur Gemilang bagi murid sekolah rendah bermula 21 April 2025 ini.
4. Untuk makluman YB Senator, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2025 untuk menerapkan pembudayaan amalan patriotisme dan taat setia penjawat awam melalui pelaksanaan program atau aktiviti yang bersesuaian secara berterusan.

5. Kementerian Perpaduan Negara juga sentiasa komited melaksanakan pelbagai program yang berteraskan kenegaraan, pembinaan jati diri dan pemerkasaan nilai perpaduan khususnya dalam kalangan golongan belia. Antara program utama yang dilaksanakan:

- Gerak Integrasi Perpaduan Nasional (GRIP) – program utama di peringkat sekolah untuk memupuk pertukaran budaya, penghormatan bersama dan pendedahan awal kepada kepelbagaian Malaysia.
- Jalinan Integrasi Mahasiswa – program rangkaian pelajar universiti merentasi kampus bagi memperkukuh perpaduan antara institusi.
- Debat Perpaduan dan Pidato Rukun Negara – pertandingan intelektual peringkat kebangsaan yang mengasah kemahiran belia untuk menyuarakan visi mereka tentang Malaysia dengan penuh keyakinan.
- Citra Ngaraku - bertujuan untuk memperkukuh nilai kenegaraan serta menyemai semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) melalui penghayatan prinsip Rukun Negara.

- Konvensyen Sekretariat Rukun Negara – konvensyen tahunan kebangsaan yang menghimpunkan wakil SRN untuk berkongsi amalan terbaik, membentangkan idea dasar dan membina jaringan dengan pelbagai pihak berkepentingan.
- Arkib@Sekolah - pelajar diberi peluang untuk meneroka sejarah negara menggunakan dokumen dan artifak arkib yang tulen dalam proses pembelajaran.
- Program Bermalam di Muzium - memberi peluang kepada pelajar untuk menghayati sejarah dan warisan budaya negara melalui perkhemahan pendidikan bermalam di muzium.
- MADANI Berkhidmat - MisiSukarelawan Siswa - program Misi Sukarelawan Siswa menghantar mahasiswa untuk berkhidmat di komuniti dalam dan luar negara. Misi ini membentuk jati diri, kepimpinan dan yang paling penting, rasa empati.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK HAJI MUSTAFA BIN
MUSA**

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2025 (RABU)

SOALAN : NO. 8

SOALAN

YB Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan persediaan pengurusan Tabika Perpaduan bagi memastikan semua guru prasekolah mendapat latihan kurikulum baharu prasekolah tahun 2026 dan keupayaan mereka menggunakan kurikulum baru ini tidak menjadi kekangan dan masalah kepada pelajar apabila memasuki darjah satu pada tahun 2027.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan Kurikulum Prasekolah 2026 (KP2026) sebagai usaha menambah baik elemen kurikulum sedia ada. KP2026 akan dilaksanakan sepenuhnya mulai Januari 2026 di semua prasekolah kerajaan dan swasta termasuk Tabika Perpaduan di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara (KPN).
2. Sehubungan itu, Kementerian bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memulakan Latihan KP2026 untuk semua guru Tabika Perpaduan sejak Julai lalu dan akan berterusan sehingga Disember 2025 ini.
3. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KP 2026 juga telah diuji rintis di 34 prasekolah KPM, lima Tabika KEMAS, tiga Tabika Perpaduan dan lapan tadika swasta. Pemantapan kurikulum ini dilakukan berdasarkan dapatan uji rintis dan pandangan pelaksana di lapangan. Untuk melatih guru prasekolah di agensi kerajaan dan swasta, penataran KP 2026 dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia secara dalam talian dan bersemuka dari Jun hingga November 2025.
4. Bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan pelaksanaan KP2026, Kementerian Perpaduan Negara juga telah merancang Program Pembangunan Profesionalisme Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan secara bersiri bermula tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATUK ANNA BELL @ SUZIEANA
BINTI PERIAN**

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2025 (RABU)

SOALAN : NO. 11

SOALAN

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan agar insiden bendera terbalik tidak berulang lagi kerana perkara sebegini mampu menghakis semangat perpaduan dan mencalarkan nama baik negara yang sepatutnya diangkat dan dijaga oleh seluruh rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) memandang serius setiap insiden pengibaran Jalur Gemilang secara terbalik kerana ia menyentuh soal kedaulatan dan maruah negara. Jalur Gemilang bukan sahaja lambang negara dan kedaulatan tanah air, malah menjadi simbol perpaduan rakyat yang wajib dihormati serta dijunjung tinggi oleh setiap warganegara Malaysia.
2. Kedudukan dan martabat Jalur Gemilang terus dilindungi melalui Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 [Akta 414] di bawah Jabatan Perdana Menteri yang turut telah memperincikan kesalahan serta hukuman terhadap sebarang perbuatan yang dianggap menyalahgunakan atau merendahkan martabat bendera kebangsaan.
3. Kini aspek penguatkuasaan harus diberikan perhatian serius. Melalui Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bersama 12 agensi kerajaan, perkara ini telah dibincangkan secara menyeluruh. Sehubungan itu, Kementerian berharap agar Polis Diraja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat mempertingkatkan lagi usaha penguatkuasaan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat serta keharmonian negara terus terpelihara.

4. Manakala, Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan gabungan usaha pendidikan di peringkat akar umbi dan kempen kesedaran bagi memelihara keharmonian dan imej negara di mata dunia. Antaranya:
 - i. Kempen Malaysiaku Merdeka: Kibaran Jalur Gemilang melibatkan Kawasan Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara;
 - ii. pendekatan melalui libat urus bersama pemilik premis serta komuniti bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat bagi memastikan tidak berlaku sebarang kesilapan teknikal atau kecuaiian dalam pemasangan Jalur Gemilang;
 - iii. pembudayaan Rukun Negara bermula di peringkat awal persekolahan, Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara dan komuniti bagi meningkatkan semangat patriotisme; dan
 - iv. pelaksanaan program untuk anak muda seperti Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP), Konvensyen Sekretariat Rukun Negara dan Citra Ngaraku sebagai platform untuk pendidikan patriotisme.
5. Kementerian akan terus memastikan setiap lapisan masyarakat memahami bahawa Jalur Gemilang bukan sekadar bendera, tetapi simbol penyatuan negara bangsa yang wajib dihormati, dijaga, dan diangkat martabatnya oleh semua rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MANNDZRI BIN HAJI NASIB
[TENGGAHARA]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2025 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 12

SOALAN

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [TENGGAHARA] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menangani polemik pengibaran bendera negara secara terbalik yang sering menimbulkan kontroversi, termasuk langkah-langkah pendidikan, kempen kesedaran serta inisiatif pembinaan jati diri dan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat, khususnya generasi muda supaya maruah serta simbol kedaulatan negara terus dihormati.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara memandang serius terhadap insiden pengibaran Jalur Gemilang secara terbalik kerana ia menyentuh soal kedaulatan, identiti dan maruah negara. Jalur Gemilang bukan sahaja lambang negara dan kedaulatan tanah air, malah menjadi simbol perpaduan rakyat yang wajib dihormati serta dijunjung tinggi oleh setiap warganegara Malaysia.
2. Insiden ini bukan sekadar isu teknikal, tetapi melibatkan kefahaman, kesedaran sivik serta semangat cintakan tanah air masyarakat. Justeru, beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan. Antaranya:

- i. **Kempen Kesedaran**

Kempen kesedaran pengibaran bendera telah dilaksanakan di media sosial dan pelbagai platform termasuk pengisian berkaitan etika penggunaan Jalur Gemilang. Pelaksanaannya bertujuan meningkatkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan menjaga maruah dan simbol negara serta mengurangkan sebarang salah faham yang boleh timbul akibat pengibaran bendera yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Pelaksanaan kempen ini melibatkan Kempen

1 Rumah 1 Jalur Gemilang dan perarakan kemerdekaan di kawasan komuniti dan sekolah.

ii. **Kerjasama Antara Agensi**

Kementerian telah dan akan melaksanakan kerjasama strategik dengan agensi pemegang taruh seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memastikan pengibaran bendera negara yang tidak mengikut peraturan dikenakan tindakan sewajarnya. Kerjasama strategik dengan pelbagai agensi juga dilaksanakan kementerian melalui Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan bagi tujuan pemantauan dan pengurusan isu berkaitan.

iii. **Pendekatan Komuniti dan Penglibatan Generasi Muda**

Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan sebagai *platform* pendidikan patriotisme dan kenegaraan kepada kumpulan masyarakat dan generasi muda bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap kesilapan teknikal atau kecuai dalam pemasangan Jalur Gemilang. Misalnya pelaksanaan program Gerak Integrasi Perpaduan, Konvensyen Sekretariat Rukun Negara, Citra Negaraku dan Video Pendek Bakat Merdeka.

3. Kementerian akan terus komited melaksanakan langkah-langkah yang berterusan supaya rakyat Malaysia sedar bahawa penghormatan terhadap simbol kebesaran negara adalah tanggungjawab bersama yang perlu dipertahankan demi kemakmuran dan keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kedudukan dan martabat Jalur Gemilang adalah dilindungi melalui Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 [Akta 414] di bawah Jabatan Perdana Menteri yang turut telah memperincikan kesalahan serta hukuman terhadap sebarang perbuatan yang dianggap menyalahgunakan atau merendahkan martabat Bendera Kebangsaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 29 OKTOBER 2025 (RABU)

SOALAN : NO. 12

SOALAN

YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah strategi Kementerian membina naratif kebangsaan inklusif yang menjamin rekonsiliasi sosial, kerukunan masyarakat dan ketahanan demokrasi sebagai asas keharmonian negara agar tidak digugat oleh sentimen perkauman dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peranan utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program.** Usaha ini dilaksanakan selaras dengan **Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan berpandukan Dasar Perpaduan Negara.**
2. Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai ***Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI***. Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.
3. Selaras dengan itu, kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada **penghayatan semula Rukun Negara** termasuk pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara di sekolah, institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan kini turut diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pelaksanaan **inisiatif Eksplorasi Rukun Negara.**

4. Pada tahun ini, tema '**Harmoni Dalam Kepelbagaian**' diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat dan Terima** antara satu sama lain.
5. Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan 4 ikhtiar utama iaitu:
 - I. **Ekosistem Perpaduan** – Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Cilik Perpaduan, MADANI Berkhidmat Misi Sukarelawan Siswa, Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Program Closing The Gap di PPR.
 - II. **Harmoni MADANI** – Sambutan Keharmonian Sedunia, Dialog Harmoni, Perarakan Harmoni, Jejak Harmoni, Dokumentari Harmoni dan memperluaskan perkhidmatan mediator komuniti serta penubuhan 5 buah Pusat Mediator Komuniti.
 - III. **Eksplorasi Rukun Negara** – Sambutan 55 Tahun Rukun Negara, Program Gerak Integrasi Perpaduan, Pidato Rukun Negara, Citra Negaraku, Arkib Sekolah, Kempen Taat Setia Rukun Negara, Program Jalinan Integrasi Mahasiswa, dan Konvensyen Sekretariat Rukun Negara.

IV. **Komuniti Sosiobudaya** – Citra Nusa Muzium, Majlis Mengenang Jasa Negarawan, Seminar Sejarah Lisan, Arkib Komuniti, Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium, Karnival Baca Perdana dan Festival Kaligrafi Perpaduan.

6. Untuk makluman semua, **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** kini sedang dilaksanakan untuk kali ketiga dan dijangka mempunyai dapatan skor sebanyak **0.7**, yang mencerminkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Indeks ini menilai aspek-aspek penting seperti **hubungan antara etnik, persepsi terhadap identiti nasional dan kepercayaan sosial**, sekali gus menjadi rujukan utama dalam merangka dasar serta inisiatif kementerian ke arah memperkukuh perpaduan negara.
7. Dalam **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) 2026 - 2030**, Kementerian Perpaduan Negara telah diberikan mandat besar untuk menerajui Tonggak D1 iaitu **Pembentukan Negara Bangsa**. Penekanan utama diberikan kepada usaha membina sebuah negara bangsa yang berdaulat, bermaruah dan utuh, demi menjamin keharmonian, keamanan serta kestabilan negara.
8. Dalam konteks Malaysia, **konsep identiti nasional dan negara bangsa tidak boleh ditafsir secara sempit sebagai “satu kaum, satu budaya”**. Sebaliknya, negara bangsa Malaysia terbentuk daripada rakyat yang datang daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa, tetapi **bersatu di bawah satu identiti**

nasional yang dikongsi bersama. Identiti inilah yang menjadi asas kepada perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian negara.

9. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara bagi merangka **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa**, disusuli penganjukan **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada suku pertama tahun hadapan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Selain itu, KPN menggunakan **pendekatan reformasi (reformative approach) intervensi, mediasi dan kesedaran** bagi menangani isu-isu sensitif berkaitan agama, kaum dan kenyataan berbau kebencian yang sering dibangkitkan oleh sesetengah pihak. Antara kaedah yang digunakan ialah:
 - i. **Sistem Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN)** yang menyalurkan aduan ke agensi penguat kuasa untuk tindakan segera.
 - ii. **Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP)** melibatkan **12 Kementerian dan Agensi** untuk menyelaraskan isu-isu berpotensi menjejaskan perpaduan.
 - iii. **Dashboard Analitik Perpaduan** untuk mengenal pasti **lokasi-lokasi 'hotspot'** yang berisiko tinggi terhadap ketegangan kaum atau agama.
 - iv. **Kempen 'Cakap Baik-Baik'** untuk mendidik masyarakat agar lebih beretika, berhemah dan bertanggungjawab dalam komunikasi atas talian.

2. Selain itu, terdapat **beberapa akta dan perundangan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Komunikasi** bagi menangani isu-isu sensitif yang melibatkan agama, raja dan kaum (3R).
3. Strategi ini digerakkan bukan sahaja untuk membina naratif yang menyatukan, tetapi juga untuk memperkukuh daya tahan sosial negara agar tidak mudah digugat oleh sentimen sempit yang bersifat perkauman atau keagamaan. Kementerian akan terus komited dalam memastikan perpaduan nasional kekal sebagai asas kukuh kepada kestabilan dan kemajuan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- i. **Seksyen 295 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan;
- ii. **Seksyen 296 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan mengganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang;
- iii. **Seksyen 298 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang;
- iv. **Seksyen 298A Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan;
- v. **Seksyen 504 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- vi. **Seksyen 505 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam; dan
- vii. **Seksyen 506 Kanun Keseksaan** iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah

- viii. **Subseksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301]** iaitu hasil penerbitan yang menyiarkan dengan niat jahat, apa-apa berita yang tidak benar maka pencetak, penulis, penerbit dan penyunting boleh dikenakan hukuman;
- ix. **Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]** bagi apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; Dan
- x. **Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15]** bagi mengawal kesalahan menghasut.

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA
PENGGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
(SRI AMAN)**

TARIKH : 15 OKTOBER 2025 (RABU)

SOALAN : NO. 10

SOALAN

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada Kementerian melihat media sosial sebagai kayu ukur realiti, kerana meskipun jutaan rakyat hadir ke sambutan Hari Kebangsaan, naratif perpecahan dan retorik kebencian di media sosial tetap meningkat. Jadi apakah strategi Kementerian untuk mengurus perbezaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara komited dalam **mewujudkan platform dan ruang integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa menerusi pelaksanaan pelbagai program** berteraskan kenegaraan, jati diri, keharmonian dan perpaduan.
2. Melalui **Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)**, Kementerian telah mengenalpasti **10 defisit sosial termasuk media sosial yang perlu ditangani untuk mencapai perpaduan nasional**. Ia menunjukkan bahawa media sosial, selain daripada aspek positifnya, boleh menjadi penghalang kepada perpaduan sekiranya disalahgunakan atau dikawal secara tidak efektif. Antara isu-isu yang merangkumi di bawah defisit Media Sosial adalah :
 - I. **Penyalahgunaan dan kawalan informasi:** Pengguna media sosial sering berhadapan dengan penyalahgunaan maklumat dan kurang kawalan terhadap kandungan yang disebarkan.
 - II. **Penyebaran berita palsu (*fake news*):** Berita palsu atau tidak sahih boleh disebarkan dengan pantas melalui media sosial, menyebabkan salah faham dan konflik dalam kalangan masyarakat.
 - III. **Ujaran kebencian dan provokasi:** Media sosial menjadi platform untuk menyebarkan ujaran kebencian dan provokasi

yang boleh merosakkan hubungan sosial dan perpaduan nasional.

IV. **Ketidakpuasan terhadap isu sosial:** Media sosial juga boleh menimbulkan ketidakpuasan dan kebimbangan mengenai isu-isu sosial, menyumbang kepada polarisasi dalam masyarakat.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, **pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penyebaran isu-isu sensitif yang melibatkan agama, raja dan kaum (3R) di media sosial adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).**
4. Bagi tempoh antara tahun 2023 hingga Julai 2025, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan tindakan seperti berikut:
 - Sebanyak **11,967** kandungan berunsur 3R turut dikenal pasti dan **dilaporkan untuk penurunan.**
 - Daripada jumlah tersebut, **7,673** kandungan 3R telah berjaya **diturunkan oleh pihak penyedia platform berkaitan.**
5. Walaupun Kementerian Perpaduan Negara tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan secara langsung, kementerian ini tetap memainkan peranan penting melalui **pendekatan reformasi (*reformative approach*) intervensi, mediasi dan kesedaran** bagi menangani isu-isu sensitif berkaitan agama, kaum dan kenyataan berbaur kebencian.
6. Antara langkah utama yang dilaksanakan:

- V. Kementerian melaksanakan pemantauan terhadap kenyataan berbau kebencian, keagamaan dan perkauman melalui **Sistem Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN)**. Setiap aduan akan disalurkan kepada agensi penguat kuasa berkaitan untuk tindakan segera.
- VI. **Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP)** merangkumi **12 Kementerian dan Agensi** diwujudkan bagi menyelaraskan tindakan pantas terhadap isu-isu berpotensi menjejaskan perpaduan.
- VII. Kementerian membangunkan **Dashboard Analitik Perpaduan** sebuah papan pemuka digital bagi mengenal pasti **lokasi-lokasi 'hotspot'** yang berisiko tinggi terhadap ketegangan kaum atau agama. Maklumat ini digunakan untuk merancang dan melaksanakan program intervensi yang bersasar di peringkat komuniti.
- VIII. Kementerian turut melantik seramai **571 Meditor Komuni** serta **menubuhkan 13 buah Pusat Mediasi Komuniti** bagi menyelesaikan permasalahan di peringkat akar umbi tanpa melibatkan proses litigasi dan perundangan

7. Kementerian akan terus menerapkan kepentingan empat prinsip teras integrasi nasional, iaitu **Faham**, **Hormat**, **Terima** dan **Meraikan**, sebagai amalan berterusan dalam kehidupan seharian rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2025 (SELASA)

SOALAN : NO. 10

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah-langkah strategik yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memperkasa Rukun Negara sebagai falsafah kebangsaan, khususnya di kalangan generasi muda bukan hanya dalam bentuk hafalan di institusi pendidikan, tetapi diterjemahkan dalam kehidupan seharian masyarakat majmuk Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak diisytiharkan pada tahun 1970, **Rukun Negara** berperanan sebagai falsafah kebangsaan yang menjadi panduan kepada rakyat dalam usaha mengekalkan keharmonian, kestabilan dan perpaduan negara. Justeru, memahami dan menghayati bukan sahaja prinsip, tetapi juga cita-cita dalam mukadimah Rukun Negara adalah tanggungjawab bersama seluruh rakyat.
2. Dalam menyokong hasrat tersebut, pada tahun 2023 **Jemaah Menteri telah bersetuju** supaya **sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima perinsip Rukun Negara** dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah.
3. Ini adalah pendekatan baharu diambil oleh Kerajaan MADANi dalam memperkasa penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan generasi muda. Hal ini kerana, dahulu kita hanya lafaz lima prinsip tanpa menekankan mukadimahnya, sedangkan di dalam mukadimah itulah tersirat nilai-nilai asas yang paling penting, seperti bersatu padu, adil saksama, demokratik dan progresif.
4. Kementerian juga telah merangka program di bawah *Flagship* Kembara Perpaduan iaitu **Eksplorasi Rukun Negara** yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan komuniti (pelajar sekolah, mahasiswa dan masyarakat

awam). Antara program yang telah diambil oleh Kementerian dalam memperkasa Rukun Negara ialah:

- i. Pelaksanaan modul Rukun Negara di semua Taska dan Tabika Perpaduan (hanya satu-satunya pusat pendidikan awal yang menerapkan Rukun Negara).
- ii. Pemeriksaan Semangat Kebangsaan di Sekolah dengan penubuhan lebih 6,000 Kelab Rukun Negara di seluruh negara.
- iii. Memperkasa Patriotisme Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi dengan penubuhan sebanyak 193 Sekretariat Rukun Negara di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.
- iv. Program Perpaduan Belia Peringkat Kebangsaan juga turut dilaksanakan seperti berikut:
 - **Gerak Integrasi Perpaduan Nasional** – program utama untuk memupuk semangat kenegaraan, penerapan silang budaya dan nilai-nilai murni.
 - **Debat Perpaduan dan Pidato Rukun Negara**– pertandingan intelektual peringkat kebangsaan yang mengasah kemahiran belia untuk menyuarakan visi mereka tentang Malaysia dengan penuh keyakinan.
 - **Citra Negaraku** – bertujuan untuk memperkukuh nilai kenegaraan serta menyemai semangat perpaduan dalam

kalangan mahasiswa melalui penghayatan terhadap kebudayaan Rukun Negara.

- **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara** – konvensyen yang menghimpunkan kepimpinan Sekretariat Rukun Negara untuk berkongsi amalan terbaik, membentangkan idea dasar dan membina jaringan dengan pelbagai pihak berkepentingan.
- **Arkib@Sekolah** – mendekatkan pelajar sekolah dengan bahan arkib berhubung sejarah negara.

5. Oleh yang demikian, Rukun Negara perlu dijadikan amalan dalam kehidupan seharian bukan sekadar sebagai pegangan dasar, malah sebagai panduan nilai yang membentuk masyarakat yang bersatu padu, berintegriti serta menjunjung tinggi prinsip-prinsip kenegaraan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA
PENGKAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 6 OKTOBER 2025 (ISNIN)

SOALAN : NO. 14

SOALAN

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Kementerian pernah menilai sama ada sambutan Hari Kebangsaan hanya sekadar event-based unity di mana rakyat bersatu sehari sahaja ketika perarakan tetapi kembali kepada prejudis, stereotaip dan isu perkauman pada hari-hari biasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Saya mohon untuk **menjawab soalan ini bersekali dengan soalan pada 15 Oktober 2025** yang ditanya oleh YB Sri Aman juga berhubung sambutan Hari Kebangsaan.
2. Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Perpaduan Negara **sentiasa menilai keberkesanan penganjuran program-program berunsurkan perpaduan dan keharmonian termasuk Sambutan Hari Kebangsaan** bukan sahaja dari sudut kemeriahan acara, tetapi juga dari segi impak terhadap pembinaan identiti nasional, pemupukan rasa cinta tanah air serta pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah menggubal **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021–2030** sebagai dokumen rujukan utama yang menyenaraikan peranan serta tanggungjawab pelbagai kementerian dan agensi berkaitan dalam melaksanakan inisiatif perpaduan secara menyeluruh dan bersepadu. Setiap kementerian dan agensi Kerajaan mempunyai peranan tersendiri dalam mengukuhkan perpaduan serta keharmonian masyarakat, sejajar dengan aspirasi **Dasar Perpaduan Negara**.
4. **Sambutan Hari Kebangsaan tidak boleh dilihat hanya sebagai manifestasi kesatuan rakyat untuk *sehari sahaja* atau sekadar acara berteraskan “*event-based unity*”.** Sebaliknya, ia merupakan

sebahagian daripada usaha berterusan yang digerakkan secara strategik dan selari dengan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021–2030**, yang menjadi rujukan utama dalam memperkukuh perpaduan nasional secara menyeluruh dan bersepadu.

5. Berhubung dengan soalan berkaitan isu prejudis, stereotaip, retorik kebencian di media sosial dan perkauman yang masih wujud dalam kehidupan seharian, **Kementerian Perpaduan Negara mengambil pendekatan reformatif (*reformatif action*) dengan memberikan fokus kepada tiga teras utama:**

- I. Pertama, melalui **penganjuran program berimpak tinggi** seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Liga Sukan Uniti, Perarakan Harmoni, Inisiatif Harmoni MADANI, Pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga, Townhall Perpaduan, Citra Nusa Muzium, Arkib Komuniti, Arkib@Sekolah, Gerak Integrasi Perpaduan serta Misi Sukarelawan Siswa.
- II. Kedua, melalui **pelaksanaan kempen advokasi** di media sosial dan perdana seperti Kempen 55 Tahun Rukun Negara, Kempen Malaysiaku Merdeka dan Kempen Cakap Baik-Baik.
- III. Ketiga, melalui **pengurusan isu perpaduan secara sistematik dan intervensi** termasuk pemantauan menerusi sistem e-Sepakat, pengurusan aduan rakyat melalui Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN), Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (dianggotai oleh 12 agensi kerajaan), pelaksanaan

mediasi komuniti (571 mediator) dan penubuhan Pusat Mediasi Komuniti (13 buah).

6. Manakala, **pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penyebaran isu-isu sensitif yang melibatkan agama, raja dan kaum (3R) di media sosial adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi menerusi Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (seksyen 233).**
7. Kementerian Perpaduan Negara juga sentiasa komited dalam **mewujudkan platform dan ruang integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa menerusi pelaksanaan pelbagai program** berteraskan kenegaraan, jati diri, keharmonian dan perpaduan. Kementerian sentiasa menegaskan kepentingan empat prinsip teras integrasi nasional, iaitu **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan**, sebagai amalan berterusan dalam kehidupan seharian rakyat.
8. Kesan daripada usaha-usaha memperkasa perpaduan yang dilaksanakan oleh kementerian telah menunjukkan hasil yang positif, antaranya melalui peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) daripada 0.567 pada tahun 2018 kepada 0.629 pada tahun 2022, yang menggambarkan tahap keyakinan dan penerimaan masyarakat terhadap usaha-usaha perpaduan semakin meningkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR DR. JUFITRI BIN JOHA

TARIKH : 2 DISEMBER 2025

SOALAN : NO. 10

SOALAN

YB. Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk **menaikkan peruntukan bagi Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** serta mempertimbangkan untuk **memberikan elaun kepada Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT).**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ketika ini, jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara telah mencapai **8,603** dengan keanggotaan jawatankuasa seramai **215,000 orang** dan liputan penduduk seramai hampir **13 juta orang**.
2. **KRT adalah merupakan organisasi sukarela berasaskan komuniti atau community based organization (CBO)** yang ditubuhkan oleh Kerajaan sejak tahun 1975 melalui Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751] dan berperanan sepenuhnya atas prinsip dan semangat kesukarelawanan berdasarkan konsep “Daripada Komuniti Kepada Komuniti”.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar geran bagi KRT telah melalui beberapa penyelarasan sejak tahun 2008 selaras dengan keperluan semasa dan kemampuan fiskal kerajaan. Pada **tahun 2008**, kadar geran tahunan yang diberikan kepada KRT ditetapkan sebanyak **RM4,800 setahun** bagi membantu pelaksanaan aktiviti asas komuniti setempat. Selanjutnya, bagi memastikan keberkesanan peranan KRT dalam konteks perpaduan komuniti pasca pandemik, kadar geran telah **dinaikkan kepada RM6,000 setahun mulai tahun 2021** bagi semua KRT aktif di seluruh negara.

Kategori Keaktifan / Kadar Geran	Tahun			
	2008 – 2012	2013	2020	2021 - 2025
Paling Aktif	RM4,800	RM6,000	RM6,500	RM6,000
Aktif		RM4,000	RM4,500	
Sederhana Aktif		RM2,000	RM2,500	

4. Pada masa kini, kadar geran KRT masih kekal sebanyak **RM6,000.00 setahun bagi setiap KRT**. Dengan menggunakan geran ini, lebih **104,000 aktiviti (komuniti, kesukarelawan, kebajikan, ekonomi, pendidikan dan perayaan) telah dilaksanakan oleh KRT pada tahun 2024**.
5. Kementerian mengakui bahawa jumlah peruntukan ini sememangnya tidak mencukupi bagi memastikan KRT memainkan peranannya dengan lebih berkesan. Berhubung perkara ini, Kementerian telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan sejak tahun 2022 lagi. Kelulusan bagi perkara ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Kementerian Kewangan.
6. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian kini sedang **meneliti mekanisme baharu bagi penyediaan geran, termasuk cadangan untuk menaikkan kadar geran kepada KRT yang aktif**. Antara pertimbangan utama ialah penetapan kadar geran berdasarkan tahap keaktifan KRT iaitu **paling aktif, aktif, dan sederhana aktif** berbanding kadar sama rata sebanyak RM6,000 bagi KRT aktif yang dilaksanakan sejak tahun 2021.

7. Berhubung pertanyaan mengenai elaun khas kepada Pengerusi KRT, tiada sebarang elaun disediakan. Namun begitu, bagi mengiktiraf pengorbanan dan komitmen mereka, Kerajaan menyediakan insentif khas kepada semua AJK KRT, anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) serta Mediator Komuniti melalui Skim Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok. Skim insurans ini menawarkan perlindungan seperti berikut:
- i. RM40,000 bagi kematian akibat kemalangan semasa bertugas;
 - ii. RM20,000 bagi kematian akibat kemalangan di luar waktu bertugas;
 - iii. Elaun harian hospital RM100 sehari (maksimum 60 hari setahun);
 - iv. Perbelanjaan perubatan RM2,000 akibat kemalangan semasa bertugas;
 - v. Khairat Kematian RM2,000; dan
 - vi. Faedah-faedah lain yang berkaitan.
8. Kementerian juga menyediakan pelbagai insentif lain kepada pemimpin KRT seperti peluang untuk menyertai program pembangunan kapasiti, latihan kemahiran, lawatan integrasi ilmu dan pelbagai program/aktiviti lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATO' PROF. EMERITUS DR.
MOHAMMAD REDZUAN BIN OTHMAN**

TARIKH : 2 DISEMBER 2025

SOALAM : NO. 51

SOALAN

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah Kementerian untuk memperkasa program perpaduan berasaskan nilai bersama (shared values) agar masyarakat Malaysia dapat menghayati unsur-unsur sebagaimana yang digariskan dalam gagasan Malaysia MADANI bagi mengatasi gejala polarisasi kaum dan agama dalam masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam dunia yang sedang berdepan cabaran polarisasi, perbezaan identiti dan ancaman terhadap perpaduan sosial, pembinaan negara bangsa bukan lagi satu pilihan, tetapi suatu keperluan mutlak. Ia adalah teras kepada kestabilan, keharmonian dan kemajuan sesebuah negara, lebih-lebih lagi bagi negara majmuk seperti Malaysia.
2. Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program**. Usaha ini dilaksanakan selaras dengan **Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan berpandukan Dasar Perpaduan Negara**.
3. Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai ***Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI***. Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.
4. Selaras dengan itu, kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada **penghayatan semula Rukun Negara** termasuk pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara di sekolah,

institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan kini turut diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pelaksanaan **inisiatif Eksplorasi Rukun Negara**.

5. Pada tahun ini, tema '**Harmoni Dalam Kepelbagaian**' diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat dan Terima** antara satu sama lain.
6. Untuk makluman semua, **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** kini telah dilaksanakan untuk kali ketiga dan dijangka mencapai skor sebanyak **0.7**, yang mencerminkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Indeks ini menilai aspek-aspek penting seperti **hubungan antara etnik, persepsi terhadap identiti nasional dan kepercayaan sosial**, sekali gus menjadi rujukan utama dalam merangka dasar serta inisiatif kementerian ke arah memperkukuh perpaduan negara.
7. Sejak tahun 2023, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan jelas memperlihatkan bahawa **pembinaan Negara Bangsa** merupakan **matlamat akhir** kepada usaha **memperkukuh perpaduan nasional**. **Pembinaan negara bangsa** kini telah diangkat sebagai salah satu tonggak utama dalam **RMK13**.

8. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan sesi libat urus di seluruh negara bagi merangka **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa**, disusuli penganjuran **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada tahun hadapan.
9. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited melaksanakan pelbagai program yang berteraskan **kenegaraan, pembinaan jati diri dan pemerkasaan nilai perpaduan**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH
LIHAN**

TARIKH : 9 DISEMBER 2025 (SELASA)

SOALAN : NO. 12

SOALAN

YB SENATOR TUAN MICHAEL MUJAH LIHAN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah Kementerian menentukan keberkesanan kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dalam mengukur tahap keharmonian sosial negara, dan apakah langkah seterusnya yang dirangka Kementerian bagi memperkukuh tahap perpaduan sebenar dalam kalangan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** merupakan satu-satunya indeks pengukuran tahap perpaduan yang digunakan oleh kerajaan Malaysia bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia. Ukuran nilai indeks ini membolehkan Kerajaan mengenal pasti dan merancang usaha-usaha dan program-program intervensi yang berkaitan.
2. **Skor Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2018 ialah 0.567, manakala Skor Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2022 ialah 0.629.** Skala ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu tahap perpaduan lemah (0.0-0.24), tahap perpaduan rendah (0.25- 0.49), tahap perpaduan sederhana (0.50-0.74) dan tahap perpaduan tinggi (0.75-1.0). Skor IPNas 2022 menunjukkan bahawa situasi perpaduan negara berada pada tahap baik dan terkawal.
3. **Kesepaduan Sosial dijadikan sebagai komponen asas kepada pengukuran untuk menggambarkan tahap perpaduan dalam pembangunan indeks ini.** Melalui kajian IPNas 2022, empat (4) indikator mempengaruhi tahap kesepaduan sosial iaitu:
 - I. **Tahap Keetnikan** - Kecenderungan terhadap keterikatan identiti dan jati diri kumpulan etnik masing-masing.

- II. **Hubungan Sosial Rentas Etnik** - Jalinan hubungan sosial yang berlaku merentasi etnik.
 - III. **Etos Bangsa (Jati Diri)** - Keterikatan emosi dan sejarah sosial yang dikongsi bersama
 - IV. **Tadbir Urus dan Pembangunan** - Pelaksanaan proses mengurus dan membangun negara oleh pihak yang berkuasa.
4. Melalui IPNas, kita dapati bahawa aspek **Tadbir Urus dan Pembangunan paling penting dalam meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia kerana ia amat mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan.** Oleh itu, inisiatif oleh semua kementerian dan agensi kerajaan harus dilipatgandakan bagi menambahbaik Indeks Perpaduan Nasional.
5. Seiring dengan saranan IPNAS dalam usaha meningkatkan hubungan rentas etnik di Malaysia, pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai ***Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI.*** Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.
6. Selaras dengan itu, kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada **penghayatan semula Rukun Negara** termasuk pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara di sekolah, institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan kini turut

diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pelaksanaan **inisiatif Eksplorasi Rukun Negara**.

7. Pada tahun ini, tema '**Harmoni Dalam Kepelbagaian**' diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan** antara satu sama lain.
8. Untuk makluman Senator juga, tahun 2026 merupakan satu fasa penting dalam perjalanan Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuhkan asas **pembinaan Negara Bangsa berteraskan semangat Malaysia MADANI**. Agenda tahun 2026 akan memberikan tumpuan kepada pengukuhan identiti nasional. Pembinaan negara bangsa merupakan satu proses membina identiti kebangsaan bersama yang berakar pada kefahaman, penghormatan, penerimaan dan penghargaan terhadap kepelbagaian selari dengan aspirasi ekonomi MADANI RMK13.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATO' SETIA SALEHUDDIN
BIN SAIDIN**

TARIKH : 9 DISEMBER 2025 (SELASA)

SOALAN : NO. 35

SOALAN

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah bagi mengukuhkan perpaduan ummah di tengah kancah perbezaan pandangan politik dan mazhab/aliran dalam negara yang semakin meruncing sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian, kita tidak boleh menafikan bahawa perbezaan wujud dalam pelbagai aspek kehidupan. Namun, kita harus melihat perbezaan ini sebagai kekuatan dan bukannya kelemahan. **Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada satu masyarakat yang inklusif dan saling menghormati.**
2. **Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan perpaduan rakyat terus diperkukuhkan menerusi pelbagai inisiatif dan dasar yang menggalakkan interaksi, keharmonian serta kesejahteraan bersama.**
3. Pada tahun ini, Kementerian telah memperkenalkan tema '**Harmoni Dalam Kepelbagaian**' untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan** antara satu sama lain. Pada tahun ini, lebih 40 program di bawah **Inisiatif Harmoni MADANI** telah dilaksanakan oleh Kementerian, antaranya:
 - I. **Sambutan Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia**
 - II. **Dialog Harmoni**
 - III. **Perarakan Harmoni melibatkan kereta berhias etnik-etnik**
 - IV. **Dokumentari Jejak Harmoni**

- V. Jejak Harmoni**
- VI. Iklan Perayaan berkisahkan perpaduan bagi perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya AidilFitri, Gawai Kaamatan, Deepavali dan Hari Natal**
- VII. TownHall Perpaduan dan Keselamatan Negara**
- VIII. Wacana Ukhuwah MADANI**

4. Melalui pelaksanaan yang bersifat inklusif ini, KPN menyasarkan untuk membudayakan perpaduan sebagai sebahagian daripada amalan harian rakyat Malaysia sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGARA YANG KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATUK SERI PROF.
EMERITUS DR. AWANG BIN SARIYAN**

TARIKH : 16 DISEMBER 2025 (SELASA)

SOALAN : NO. 6

SOALAN

YB SENATOR DATUK SERI PROF. EMERITUS DR. AWANG BIN SARIYAN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada usaha telah dilakukan untuk menggubal Indeks Pencapaian Perpaduan Negara sebagai kayu ukur pencapaian program-program perpaduan, dan jika ya, apakah aspek-aspek dalam indeks tersebut yang menunjukkan pencapaian positif serta aspek-aspek yang masih memerlukan perhatian lebih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)** merupakan satu-satunya indeks pengukuran tahap perpaduan yang digunakan oleh kerajaan Malaysia bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia. Ukuran nilai indeks ini membolehkan Kerajaan mengenal pasti dan merancang usaha-usaha dan program- program intervensi yang berkaitan.
2. **Skor Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2018 ialah 0.567, manakala Skor Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2022 ialah 0.629.** Skala ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu tahap perpaduan lemah (0.0-0.24), tahap perpaduan rendah (0.25- 0.49), tahap perpaduan sederhana (0.50-0.74) dan tahap perpaduan tinggi (0.75-1.0). Skor IPNas 2022 menunjukkan bahawa situasi perpaduan negara berada pada tahap baik dan terkawal.
3. **Kesepaduan Sosial dijadikan sebagai komponen asas kepada pengukuran untuk menggambarkan tahap perpaduan dalam pembangunan indeks ini.** Melalui kajian IPNas 2022, empat (4) indikator mempengaruhi tahap kesepaduan sosial iaitu:
 - V. **Tahap Keetnikan** - Kecenderungan terhadap keterikatan identiti dan jati diri kumpulan etnik masing-masing.

- VI. **Hubungan Sosial Rentas Etnik** - Jalinan hubungan sosial yang berlaku merentasi etnik.
 - VII. **Etos Bangsa (Jati Diri)** - Keterikatan emosi dan sejarah sosial yang dikongsi bersama
 - VIII. **Tadbir Urus dan Pembangunan** - Pelaksanaan proses mengurus dan membangun negara oleh pihak yang berkuasa.
4. Melalui IPNas, kita dapati bahawa aspek **Tadbir Urus dan Pembangunan paling penting dalam meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia kerana ia amat mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan.** Oleh itu, inisiatif oleh semua kementerian da agensi kerajaan harus dilipatgandakan bagi menambahbaik Indeks Perpaduan Nasional.
5. Seiring dengan saranan IPNAS dalam usaha meningkatkan hubungan rentas etnik di Malaysia, pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan satu kerangka penting yang dikenali sebagai ***Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI.*** Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.
6. Selaras dengan itu, kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada **penghayatan semula Rukun Negara** termasuk pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara di sekolah, institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan kini turut

diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pelaksanaan **inisiatif Eksplorasi Rukun Negara**.

7. Pada tahun ini, tema '**Harmoni Dalam Kepelbagaian**' diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema ini mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan** antara satu sama lain.
8. Untuk makluman Senator juga, tahun 2026 merupakan satu fasa penting dalam perjalanan Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuhkan asas **pembinaan Negara Bangsa berteraskan semangat Malaysia MADANI**. Agenda tahun 2026 akan memberikan tumpuan kepada pengukuhan identiti nasional. Pembinaan negara bangsa merupakan satu proses membina identiti kebangsaan bersama yang berakar pada kefahaman, penghormatan, penerimaan dan penghargaan terhadap kepelbagaian selari dengan aspirasi ekonomi MADANI RMK13.

Sekian, terima kasih.